

ثیقون قیته

PETIKAN TITAH

"DI SAMPING kita memperkemas dan memuhasabah diri, hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan dunia mustahaklah dimantapkan."
- Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masih 2008 pada 23 Zulhijjah 1428/ 1 Januari 2008.



مانیس ایمان

MANISNYA IMAN

"SESIAPA mati, sedangkan dia masih menanggung hutang satu dinar atau satu dirham, maka akan diambil ganti daripada kebaikannya, kerana di sana tidak ada dinar dan tidak ada pula dirham."
- (Sabda Ibnu Umar Radiallahuanhuwa yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah).

TAHUN 57 / BILANGAN 29

7 MAC 2012 / 1433 14 ربیع الآخر

EDISI RABU / PERCUMA



BND5.9 billion diperuntukkan bagi perbelanjaan 2012/2013



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Mantri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim ketika pembentangan kertas kerja cadangan Rang Undang-Undang (2012) Perbekalan 2012/2013 pada Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan mengambil kira faktor-faktor yang belanjawan bagi Tahun Kewangan 2012/2013 berdasarkan kepada tema 'Pembangunan Kapasiti Untuk Menjana Pertumbuhan Yang Inclusive Dan Berdayatahan' dengan memberikan penekanan perbelanjaan kepada meningkatkan usaha-usaha, ke arah mencapai pembangunan negara yang *inklusif* (*inclusive development*) daripada aspek sosioekonomi, dengan mengambil kira fiskal *sustainability* bagi jangka masa panjang.

Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan perkara itu ketika membentangkan kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2012) Perbekalan 2012/2013 pada Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, berdasarkan faktor-faktor di atas anggaran jumlah perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2012/2013 termasuk bagi peruntukan kumpulan wang kemajuan dicadangkan keseluruhan sebanyak sejumlah Lima Ribu, Sembilan Ratus Juta Ringgit Brunei (B\$5,900,000,000.00) daripada kumpulan wang yang disatukan, bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2012/2013.

Jumlah ini merupakan per-

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

tambahan sebanyak BND100 juta berbanding peruntukan bagi Tahun Kewangan 2011/2012. Melalui tambahan peruntukan yang disediakan ini, ianya diharap akan dapat meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanannya perkhidmatan kerajaan pada mendukung usaha memperkembangkan ekonomi negara ini.

Di antara usaha-usaha tersebut, jelas Yang Berhormat, termasuklah memudahkan cara urusan dan aktiviti perniagaan dan pelaburan dalam negara; menjana iklim pelaburan yang kondusif, termasuk dalam menggalakkan pertumbuhan perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana; serta meningkatkan daya tarikan kepada pelaburan syarikat-syarikat *multi-national* dan pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*) secara lebih berkesan yang dihasilkan supaya usaha-usaha mempelbagai-kan ekonomi negara kepada yang berteraskan sektor bukan minyak dan gas, akan dapat diterajui oleh sektor swasta, di samping bagi membuka lebih banyak peluang pekerjaan yang berkualiti bagi anak-anak tempatan.

Di samping itu, melalui peruntukan-peruntukan yang telah disediakan, usaha-usaha yang menjurus kepada peningkatan kemahiran, teknologi, pengetahuan, penyelidikan dan inovasi akan dapat diungkayahkan bagi meningkatkan produktiviti negara.

Elemen-elemen tersebut adalah kunci dalam memandu aktiviti perekonomian negara ke arah menjana tahap pendapatan yang

tinggi, selaras dengan objektif yang ditetapkan dalam Wawasan Brunei 2035.

Ke arah itu, tumpuan pertambahan peruntukan ini banyak dijuruskan kepada peningkatan kemahiran dan kapasiti. Di samping itu, melalui Rancangan Kemajuan Negara, kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi *research and development* yang bersesuaian, agar aktiviti ini akan dapat dipertingkatkan selaras dengan amalan di negara-negara maju.

Oleh yang demikian, selaras juga dengan tema belanjawan yang disebutkan tadi, tumpuan dan keutamaan yang sewajarnya diberikan kepada usaha-usaha bagi meningkatkan tahap pendidikan, kapasiti sumber tenaga manusia dan penyelidikan; pengukuhkan sektor swasta bagi merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi; peningkatan efisiensi; peningkatan kesejahteraan awam dan juga usaha berterusan ke arah pembasmian kemiskinan.

Ke muka 24

Anggapan tiada perubahan kadar, tangga gaji

Kurang Tepat

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Bolhassan Haji Abu Bakar, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejak tahun 1984 telah mengambil langkah khususnya berkaitan dengan pengkajian semula tangga gaji bagi pegawai dan kakitangan dalam memastikan pendapatan yang diperolehi dapat menampung keperluan sara hidup di negara ini.

Ketika menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai adakah sudah dalam perancangan kerajaan untuk mengkaji semula tangga gaji pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, menjelaskan pada tahun 1984 selain dari kenaikan gaji yang diumumkan pada tahun berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan pemberian bonus tahunan dengan kadar-kadar yang tertentu mengikut bahagian masing-masing.

Pemberian bonus ini teglasnya walaupun meliputi semua peringkat namun ianya lebih ditumpukan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah yang mana Bahagian III dan ke bawah diberikan sebanyak 1.5 bulan gaji. Bonus ini merupakan tam-

bahan pendapatan kira-kira 12.5 peratus sebulan bagi bahagian tersebut. Untuk menampung bonus ini kerajaan telah menyediakan kira-kira BND135.5 juta setiap tahun.

Menteri Kewangan Kedua di JPM juga menjelaskan pada tahun 1988, empat tahun selepas kenaikan gaji tersebut kerajaan telah juga memperkenalkan pemberian Elaun Kurnia Khas. Pada mulanya sebagaimana yang kita sedia maklum, elaun ini dihulurkan pada kadar BND100 sebulan, akan tetapi pada tahun 1991 iaitu tiga tahun selepas diperkenalkan kadar Elaun Kurnia Khas ini telah dinaikkan lagi kepada BND150 sebulan bagi Bahagian II, BND170 sebulan bagi Bahagian III dan BND200 sebulan bagi Bahagian IV dan V iaitu kenaikan 100 peratus dari kadar yang asal bagi pekerja bahagian bawahan.

Yang Berhormat menekankan bahawa kenyataan ataupun anggapan mengenai tiada perubahan ke atas kadar dan tangga gaji sejak tahun 1984, adalah kurang tepat.

Pemberian elaun ini pada dasarnya telah meningkatkan pendapatan pegawai dan kakitangan tersebut di antara 3.5 peratus hingga 45 peratus mengikut kadar gaji bulanan masing-masing. Bagi menampung pemberian elaun ini setiap tahun kerajaan perlu menyediakan sebanyak kira-kira BND117 juta setahun.

Ke muka 24

DI DALAM

Muka 3



ISU keselamatan jalan raya dapat perhatian serius

Muka 5



LARIAN Hari Kebangsaan 2012

Keluaran Khas

PELITA BRUNEI keluaran hari ini menerbitkan 16 muka Laporan Khas Sempena Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2012 Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan MMN.

Laporan Khas Persidangan
MMN 2012

Penghargaan seni lukisan masih rendah

Bismillahir Rahmani Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Brunei Art Forum (BAF) kerana telah menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pelancaran Pameran Seni Lukisan BAF ada petang ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas usaha pihak BAF mengadakan pameran ini. Saya percaya usaha ini akan menyumbang ke arah mempromosikan dan mempertingkatkan bidang seni khususnya seni lukisan di Negara Brunei Darussalam.


Adalah diharapkan pihak BAF, iaitu sebuah badan bukan kerajaan akan bergabung tenaga dengan persatuan-persatuan pelukis dan pelukis-pelukis di Negara Brunei Darussalam untuk terus berusaha mengembangkan karya seni lukis tanah air dan mengadakan pameran yang serupa di masa akan datang, bukan sahaja di Galeri Seni Waterfront, di Bandar Seri Begawan, malahan juga dengan membawanya ke daerah-daerah lain di Negara Brunei Darussalam.

Memang diakui penghargaan masyarakat umum terhadap seni lukisan di Negara Brunei Darussalam masih di tahap yang rendah. Ini memandangkan persepsi umumnya terhadap seni melukis masih dilihat sebagai satu hobi atau kegemaran di masa lapang. Akan tetapi ianya melebihi daripada hobi atau kegiatan suka-suka apabila dicebur secara serius. Ianya boleh dijadikan sebagai satu kerjaya.

Pada hakikatnya seni lukis merupakan sebagai *platform* pada menyalurkan terjemahan pemikiran dan ketajaman minda seseorang individu mengenai masyarakat dan persekitarannya. Di samping itu ianya juga mencerminkan dan memberikan gambaran dan mencatatkan mengenai perkembangan dan kemajuan yang dilalui oleh negara dan masyarakat setempat.

Dalam usaha negara untuk mencapai status sebagai negara maju pada tahun 2035, pembangunan dan kemajuan yang dicapai juga perlu merangkumi perkembangan di bidang kesenian dan kebudayaan.

Dewasa ini, seni melukis dan karya lukisan telah menembusi pasaran global secara meluas yang menguntungkan. Negara China, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Perancis adalah merupakan empat pasaran seni halus terbesar di dunia. Malahan juga seni melukis adalah satu bisnes global yang boleh diterokai dan dimanfaatkan oleh artis-artis tempatan.



MENTERI Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerja Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa berucap pada Pelancaran Brunei Art Forum Exhibition Waterfront Art Gallery pada hari Jumaat, 13 Januari 2012.

Dengan wujudnya perhubungan melalui teknologi infokomunikasi khususnya internet, karyawan berbakat di Negara Brunei Darussalam boleh sahaja memasarkan secara *online* karya seni lukisan mereka kepada lebih dua setengah bilion pengguna internet di seluruh dunia. Ini bererti dunia seni lukisan bukanlah satu bisnes kecil-kecilan. Justeru itu, walaupun kita jauh di belakang jika dibandingkan dengan banyak negara di rantau ASEAN, langkah untuk mengembangkan bidang seni lukis di Negara Brunei Darussalam perlu diambil dan berikan perhatian.

Era teknologi infokomunikasi juga telah membuka bidang industri baru yang dikenali sebagai *creative industry*. Ini membuka lagi peluang kepada para pelukis dan penggiat seni tempatan untuk mengadaptasi karya lukisan mereka dengan menggunakan aplikasi teknologi komunikasi menjadi produk seni yang lebih menarik dan berharga.

Sehubungan dengan ini dan selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memperkembangkan industri kreatif di Negara Brunei Darussalam adalah diharapkan akan lebih ramai lagi para pelukis tempatan, khususnya di kalangan para belia, turut meneroka bidang industri kreatif contohnya mengembangkan seni warisan tradisi dan budaya bangsa, menjadi pelukis kartun dan animasi dan pereka yang boleh mendapat tempat dan memainkan peranan di dalam

industri pengeluaran filem animasi dan kartun terkemuka dunia.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan terus memberikan sokongan dan dukungan kepada karyawan tanah air dan golongan muda yang berbakat seni untuk maju ke hadapan. Penyediaan peluang dan tempat bagi para pelukis tempatan mempamerkan hasil ciptaan mereka adalah antara sebab galeri seni di bangunan Kastam lama ini diwujudkan. Ini juga akan memberikan daya tarikan kepada pelancong-pelancong luar negeri khususnya pencinta dan pengumpul seni lukis serantau dan antarabangsa.

Perbelanjaan dan pelaburan yang tinggi untuk pengubahsuaianya adalah juga diharapkan akan membuka peluang dan ruang kepada mereka yang telah menghasilkan karya lukisan yang bermutu tinggi mempamerkan kebolehan mereka dan seterusnya mendapatkan hasil dari penjualannya.

Dalam usaha KKBS penjenamaan semula atau *rebranding* Pusat Belia di Bandar Seri Begawan dan pusat-pusat belia di daerah-daerah, di samping menyediakan kemudahan-kemudahan lain, satu sudut kreatif dan inovasi juga akan diadakan. Ini akan membolehkan dan memberi ruang kepada para belia yang kreatif termasuk para pelukis belia kita yang berbakat untuk memamer dan mempromosikan hasil karya kreatif dan inovatif mereka di sepanjang tahun.

Untuk menjadikan seni lukis sebagai satu kerjaya yang *viable* memerlukan usaha gigih dan bersepada semua pihak di Negara Brunei Darussalam. Ini termasuk pihak media untuk mempromosikan bidang seni ini, pihak Kementerian Pendidikan di dalam melatih dan melahirkan para pelukis muda tempatan yang berkualiti dan juga pihak swasta seperti hotel dan restoran sebagai pembeli dan menyediakan ruang untuk mempromosi dan memasarkan karya lukisan tempatan, kita insya-Allah akan dapat menjadikan seni melukis satu sumber mata pencarian.

Usaha pihak BAF untuk mengadakan pameran sedemikian ini diibaratkan sebagai langkah-langkah pertama ke arah menjadikan seni lukisan sebagai satu bidang industri kreatif yang dapat dimajukan. Saya menyeru agar semua pihak yang berkepentingan akan dapat sama-sama bergantung bahu bagi memastikan momentum yang dihasilkan dari pameran ini akan dapat diteruskan.

Dengan mendahulukan kalimah-kalimah *Bismillahir Rahmannir Rahim, Allahumma Salli 'ala Sayyidina Muhammad, Wa'alaihi Wasahbihi Wasallam*, saya sukacita merasmikan Pameran Seni Lukisan BAF 2012.

Dari Sidang Pengarang.

7 MAC 2012 BERSAMAAN 1433

PEYELEWENGAN ELAUN

PENJELASAN Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri mengenai terdapatnya penyelewengan atau penyalahgunaan elaun pelajaran yang diberikan kepada rakyat dan penduduk di negara ini sungguh menarik untuk kitani merenung dan memikirkannya. Perbuatan sedemikian mungkin sudah lama dilakukan oleh segelintir anggota masyarakat tetapi kesan atau impaknya terhadap kerajaan mahupun pihak-pihak atau individu-individu lain amat besar dan memerlukan tindakan bagi mengatasinya.

Menurut Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, elaun pelajaran tersebut pada dasarnya adalah bertujuan hanya sebagai bantuan untuk meringankan beban ibu bapa atau penjaga yang mahu anak-anak mereka atau di bawah jagaan masing-masing yang layak menerima elaun bagi membayar biaya persekolahan di sekolah persendirian atau swasta.

Dengan erti kata lain, elaun pelajaran sebenarnya hanyalah berbentuk penambahan dan bukannya jumlah penuh yang diterima oleh pemohon bagi membayar keseluruhan yuran persekolahan yang dikenakan oleh sesebuah sekolah persendirian. Maknanya, jika sekolah berkenaan mengenakan yuran BND125 iaitu melebihi BND120 elaun pelajaran yang biasa diberikan oleh kerajaan, maka baki BND5 itu adalah ditanggung sendiri oleh pemohon. Ianya bersesuaian dengan matlamat elaun pelajaran tersebut iaitu sebagai bantuan tambahan atau 'top up' bagi meringankan beban pemohon untuk membayar yuran sekolah secara keseluruhannya. Kitani berharap perkara ini dapat difahami oleh semua pihak di negara ini dan tidak timbul lagi persoalan tentang kenaikan elaun pelajaran bagi menampung yuran sekolah yang meningkat.

Elaun pelajaran adalah antara nikmat yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan penduduknya. Sepatutnya kehadiran seperti ini disyukuri dan diambil manfaat sebaiknya lebih-lebih lagi dalam memastikan pembelajaran anak-anak tidak terabai dan mereka dapat mengikuti pengajian sehingga berjaya. Kemurahan kerajaan jangan diambil ringan kerana golongan ibu bapa atau penjaga seharusnya menyedari betapa beratnya mereka menanggung jumlah keseluruhan yuran sekolah jika kemudahan seperti ini tidak wujud.

Walau bagaimanapun, adalah menyedihkan apabila ada pihak yang mengambil kesempatan daripada nikmat seumpama itu dengan menggunakan untuk hal-hal lain. Perkara ini sudah setentunya mendukacitakan kerana hasrat murni kerajaan untuk membantu tidak kesampaian malahan telah disalahgunakan dan hak-hak anak-anak diselewengkan.

Meskipun anak-anak masih terlalu muda untuk menyedari akan hak mereka, ibu bapa atau penjaga tidak sewajarnya mengambil kesempatan atas kesedaran bahawa kejujuran dan amanah perlulah ditegakkan. Seperti mana juga orang dewasa, anak-anak kecil juga mempunyai hak yang perlu ditunaikan dalam mana ianya adalah satu tanggungjawab yang dituntut oleh agama. Janganlah mereka dijadikan mangsa untuk mencapai sesuatu yang sebenarnya tidak memerlukan perbuatan tidak bertanggungjawab dan menyalah undang-undang, peraturan dan akta. Banyak cara lain boleh dilakukan seperti merangka perbelanjaan secara teliti dan berhemah atau mencegah diri daripada berhutang melebihi kemampuan.

Ibu eluan pelajaran yang diselewengkan perlulah diambil ictibar. Kitani tidak menafikan bahawa bukan sahaja elaun pelajaran yang disalahgunakan bahkan juga elaun-elaun lain yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Dalam hal ini, kitani harus bersikap jujur dan menanamkan dalam diri bahawa perbuatan tersebut tidak menguntungkan bahkan membawa kepada kerugian kepada diri sendiri, orang lain yang lebih berhak, bangsa dan negara. Anak-anak kecil akan membesar satu hari nanti dan setentunya kitani tidak mahu generasi akan datang berhadapan dengan pelbagai isu kehidupan disebabkan oleh perbuatan kitani hari ini. - Pengarang.

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratin Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryenty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Azman Haji Abdul Rahim,
Hajah Rosidah Haji Ismail

Penyelaras dan Reka Letak

Samie Haji Jait,
Khairul Shahrim Haji Abdul Ghafor,
Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Noorali,
Majidah Hazirah Awang Lamit,
Siti Nadieya Haji Rahime

Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail,
Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Mohammad Ike Igrami Haji Suahimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Muhd. Zaidani Haji Zinrin,
Mohammad Izzuddin Jeffree,
Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Isu keselamatan jalan raya dapat perhatian serius

Oleh : Mohd. Fathullah
Fuad Haji Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mac. - Isu keselamatan jalan raya telah mendapat perhatian sangat serius pada peringkat tertinggi dan menimbulkan kerisauan serta kebimbangan dalam pelbagai peringkat termasuk kerajaan dan awam.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menegaskan demikian pada Pembukaan Mesyuarat Majlis Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan Kali Pertama 2012 yang berlangsung di Bilik

Mesyuarat Al-Mahabbah, Kementerian Perhubungan.

Menurut Yang Berhormat, pada tahun 2011, kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian telah mencecah seramai 47 orang, berbanding hanya 26 mangsa pada tahun 2010 dan setakat ini sahaja kemalangan jalan raya telah merugut nyawa lapan mangsa.

"Usaha-usaha ke arah menangani isu-isu mencegah dan mengurangkan peratus kemalangan jalan raya telah dan terus berjalan secara berlanjutan, walaupun pada hakikatnya belum maksimal," jelas Yang Berhormat.

Sehubungan dengan itu, usaha-usaha yang telah dibuat adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyam-

but ulang tahun Hari Kebangsaan Yang Ke-28 pada 23 Februari 2012 yang mana baginda telah menyuarakan kebimbangan mengenai isu kemalangan yang semakin meningkat.

Yang Berhormat menyatakan bahawa usaha-usaha dalam keselamatan jalan raya perlu dipertingkatkan untuk menyahut seruan titah tersebut serta seruan global 'Decade of Action for Road Safety 2011-2020' yang mana ia adalah merupakan strategi bagi jangka masa sederhana dan panjang yang mana di antaranya adalah dengan memperkenalkan sistem demerit.

Di antara matlamat sistem demerit ini adalah untuk mengenal pasti pemandu-pemandu yang berisiko tinggi dan pemandu-pemandu yang selalu melakukan kesalahan lalu lintas, bagi memperbaiki sikap pemandu-

pemandu dan bagi memberikan pemantauan yang lebih selamat bagi semua pengguna jalan raya yang mana sistem ini akan dikuatkuasakan dalam bulan April ini yang akan beroperasi selama enam bulan pada fasa percubaan (*pilot run*).

Yang Berhormat menambah, untuk menjayakan usaha-usaha ini peranan yang dimainkan oleh pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dan agensi-agensi lain seperti sekolah-sekolah memandu hendaklah memberi perhatian terhadap usaha untuk meningkatkan keselamatan jalan raya melalui kempen-kempen promosi dan penguatkuasaan yang konsisten.

Turut hadir dalam majlis tersebut, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Ahli-ahli Majlis Keselamatan Jalan Raya serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar berucap dalam mesyuarat tersebut. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Fasa percubaan Sistem Mata Demerit bermula April ini

Oleh : Mohd. Fathullah Fuad Haji Abdullah
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mac. - Beberapa strategi bagi jangka masa sederhana dan panjang telah pun disediakan di dalam tindakan keselamatan jalan raya (Blueprint Decade of Action for Road Safety 2011-2020) di antaranya ialah dengan memperkenalkan Sistem Mata Demerit Demerit Point System (DPS).

Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei akan memperkenalkan DPS dalam fasa percubaan (*pilot run*) selama enam bulan bermula April ini.

Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Mohd. Taha mengumumkan perkara tersebut dalam Sidang Media sebelum mempergerusikan Mesyuarat Majlis Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan Kali Pertama 2012 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Al-Mahabbah, Kementerian Perhubungan.

Dalam tempoh tersebut satu alat PDA akan digunakan oleh pihak penguat kuasa dan satu akta lalu lintas DPS diharap akan dapat disiapkan dan ianya akan diteruskan kepada fasa kedua menggunakan *speed camera devices* di tempat-tempat tertentu dan dalam masa tersebut satu *architectural deployment blueprint* akan disediakan sebelum menuju ke fasa ketiga iaitu *full deployment* pada tahun 2013.

"Adapun matlamat utama sistem demerit ini ialah untuk memperbaiki sikap pemandu (*improvement of driver's behaviour*), bagi mengenal pasti pemandu-pemandu yang berisiko tinggi dan pemandu-pemandu yang selalu melakukan kesalahan lalu lintas; dan bagi memberikan pemantauan yang lebih sistematik bagi kebaikan semua pengguna jalan raya," jelas Dato Paduka.

DPS akan dibahagikan kepada lapan kategori yang masing-masing mempunyai mata (*point*) yang berasingan iaitu 3, 4, 6, 8, 9, 12, 18 dan 24 point setiap kategori akan mengandungi senarai kesalahan-kesalahan lalu lintas (*offences*) yang memfokus kepada kesalahan-kesalahan sikap atau tabiat pemandu sendiri umpamanya sikap memandu melebihi had laju; tidak memakai tali keledar atau melanggar lampu isyarat lalu lintas dan sebagainya seperti yang telah sedia

termaktub dalam akta lalu lintas pada masa ini.

Keterangan lanjut mengenai bentuk atau jenis kesalahan-kesalahan berkenaan akan disediakan oleh pihak Jabatan PDB bersama Jabatan Pengangkutan Darat, yang mana secara umum, kategori kesalahan ini akan dibuat mengikut tahap kesalahan yang sering dilakukan di negara ini yang akan dibahagikan kepada *compoundable offences* dan *summable offences*.

"Dengan adanya sistem ini, ianya diharap akan dapat meningkatkan kesedaran dan disiplin pengguna-jalan raya mengenai pentingnya memandu secara berhemah dan seterusnya membantu menurunkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini," tambahnya.

Sehubungan itu, dalam usaha Kementerian Perhubungan untuk membarangikan rancangan DPS ini kepada orang awam, beberapa program jerayawara di seluruh negara akan dilaksanakan mulai pertengahan bulan Mac ini yang juga akan melibatkan pihak-pihak tertentu seperti pihak PDB dan Jabatan Pengangkutan Darat.

Dato Paduka seterusnya menjelaskan, ia merupakan proses *socialization* yang diberikan kepada semua *stakeholders* dalam usaha memberikan kefaamanan, di samping memberikan peluang untuk mendapatkan sebarang input terutama terhadap *business process* ataupun cara pelaksanaan bagi kejayaan sistem ini nanti.

"Ke arah itu, satu kursus intensif akan diberikan mengenai pelaksanaan DPS khusus kepada pegawai-pegawai penguatkuasaan dari Jabatan PDB dan JPD termasuk dari pihak Peguam Negara pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian," terang Dato Paduka.

Isu keselamatan jalan raya telah menarik perhatian masyarakat di negara ini lebih-lebih lagi dengan bertambahnya kadar kematian akibat kemalangan jalan raya akhir-akhir ini.

Pada tahun 2011 sahaja kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian telah menjangkau angka sebanyak 47 berbanding 26 mangsa pada tahun 2010.

Ia merupakan satu nisbah yang sangat tinggi bagi Negara Brunei Darussalam berbanding dengan jumlah



MESYUARAT Majlis Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan Pertama 2012 berlangsung di bangunan Kementerian Perhubungan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Mohd. Taha bersidang bersama media sejurus selepas mesyuarat diadakan.

penduduk yang agak kecil lebih-lebih lagi jika melihat bahawa mangsa-mangsa tersebut hampir separuh daripada mereka itu terdiri daripada golongan anak-anak muda berumur antara 18 hingga 30 tahun.

Jika ini tidak dibendung dan jumlah dan trend ini berlarutan bermakna negara akan mengalami kerugian yang besar dari segi aset tenaga manusia yang terdiri daripada golongan penduduk remaja yang bakal menjadi perintis, pemimpin atau penyumbang pembangunan negara masa depan.

Sikap atau tabiat pemandu nampaknya merupakan salah satu masalah yang sering menjadi punca kemalangan jalan raya.

Setakat ini sahaja sejak dari 1 Januari 2012, kadar kemalangan jalan raya terus menunjukkan peningkatan mengenai pelaksanaan undang-undang yang telah sedia ada dan keperluan bagi kita sama-sama meningkatkan

ripada kaum belia.

Kebanyakan kes-kes kemalangan tersebut juga telah menunjukkan dua corak atau tabiat memandu yang hambar sama (*common trend*) iaitu sikap memandu dengan laju (*speeding*) terutama di kawasan-kawasan yang tidak sepatutnya; dan kedua kebanyakannya ini didapati melanggar lampu isyarat lalu lintas atau melanggar peraturan jalan raya lain.

Pada umumnya kemalangan-kemalangan tersebut berlari belakang sikap kecuaian pemandu atau *behavioural problem* seperti *careless driving* dan *reckless driving behaviour* dan ada juga yang menunjukkan sikap *senseless* atau *mindless* driving iaitu sikap memandu tanpa etika, mereka ini tidak tahu mengetahui *do and don't* semasa berada di jalan raya seperti memperhentikan kereta secara membahayakan terutama di *highway*.

Perkara ini amat menghiraukan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKJJR) dan ke arah itu usaha lebih gigih akan terus dipertingkatkan melalui kempen, program dan penyelaras antara agensi yang lebih efektif.

Dalam menangani keadaan ini, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya menyeru dan menasihatkan semua pengguna-jalan raya khususnya dan orang ramai amnya supaya lebih berhati-hati dan mengamalkan sikap bertimbang rasa dengan sentiasa peka serta mematuhi semua peraturan-peraturan dan etika jalan raya terutama ketika mereka berada di jalan raya.

MKJJR mengambil berat dan menarik perhatian terhadap titah baginda dalam memberi penekanan mengenai pelaksanaan undang-undang yang telah sedia ada dan keperluan bagi kita sama-sama meningkatkan

usaha penguatkuasaan.

Oleh itu, melalui Majlis ini juga pihak PDB dan agensi-agensi lain akan terus sama-sama berganding bahu berusaha meningkatkan tahap keselamatan jalan raya melalui kempen-kempen promosi dan penguatkuasaan yang konsisten lagi efektif sama ada melalui rondaan, pemeriksaan kenderaan yang lebih efektif dan juga sekatan jalan raya bersepudu antara pihak PDB dan JPD.

Di samping itu, kempen-kempen keselamatan jalan raya akan diteruskan di kesemua peringkat yang tidak terhad di sektor kerajaan sahaja tetapi melibatkan sektor bukan kerajaan seperti kempen pengguna tali keledar melalui 'TELL A FRIEND' oleh pihak Syarikat Minyak Shell yang perlu dilaratkan ke semua sektor masyarakat.

Menyentuh mengenai peranan Sekolah Memandu, Dato Paduka menjelaskan, MKKJR juga menekankan kepentingan mempunyai Sekolah Memandu yang berkualiti tinggi, di samping memantau dan menilai dari masa ke semasa

caro pembelajaran serta kualiti tenaga pengajar di kalangan sekolah-sekolah memandu ke arah menghasilkan pemandu yang berhemah tinggi lagi berdisiplin dan menerapkan nilai dan cara-cara *defensive driving* dalam pembelajaran mereka.

Pengetahuan serta nilai-nilai keselamatan jalan raya tegasnya perlu di terapkan di pelbagai peringkat bukan sahaja di sekolah-sekolah memandu. MKKJR dengan kerjasama Kementerian Pendidikan katanya akan mula memperkenalkan mata pelajaran keselamatan jalan raya dalam kurikulum di peringkat sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Radio amatuer mainkan peranan dalam masyarakat



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar berucap merasmikan Seminar Kesedaran Awam Mengenai Radio Amatur. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Oleh :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad.

JERUDONG, Ahad, 4 Mac. - Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AiTi) menganjurkan Seminar Kesedaran Awam Mengenai Radio Amatur dengan sokongan Kesatuan Radio Amatur Antarabangsa (IARU) dan dua persatuan radio amatuer tempatan iaitu Persatuan Radio Amatur Brunei Darussalam (BDARA) dan Persatuan Gemilang Daerah Tutong.

Seminar diadakan di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel and Country Club dan hadir selaku tetamu kehormat merasmikan seminar ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Dalam ucapan alu-aluan oleh Ketua Eksekutif AiTi, Awang Haji Yahkup bin Haji Menudin, radio amatuer terus

memainkan peranan penting dalam masyarakat walaupun kehadiran internet dan penggunaan telefon semakin meluas.

Beliau menyatakan radio amatuer dikira sebagai hobi saintifik yang terbesar yang mempunyai makna untuk bertukar-tukar minat sesama komuniti dan orang-orang sekeliling dan ia adalah salah satu cara untuk berkomunikasi pada kawasan-kawasan tanpa akses menjadi infrastruktur komunikasi biasa.

Tujuan seminar diadakan adalah untuk memberi kesedaran berkenaan peraturan dan undang-undang radio amatuer dan penggunaan etikanya selain bagi mempromosi perkhidmatan dan operasi penggunaan radio amatuer di Negara Brunei Darussalam.

Antara yang hadir menyertai seminar tersebut ialah pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli persatuan-persatuan radio amatuer di negara ini, para peminat radio amatuer dan para peserta dari Pertandingan Mencari Arah Radio

Amatur (ARDF) yang telah diadakan pada 26 Februari 2012 di Taman Rekreasi Sungai Basong, Tutong.

Seminar selama sehari itu disampaikan oleh penceramah undangan dari luar negara, Pengarah IARU, Rantau 3, Peter Brian Lake yang mana pembentangan beliau telah menyentuh mengenai dengan 'Codes of Conduct of Radio Amateur', yang pada asasnya mengenal pasti peraturan-peraturan antarabangsa terutamanya dalam beberapa bahagian dalam Rantau 3 dan menjelaskan mengenai dengan etika, operasi menjalankan dan prosedur radio amatuer.

Pengurus Korporat Undang-Undang AITI, Dayang Siti Umi Athirah binti Haji Ra'emi Maleek turut menerangkan berkenaan 'Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Radio Amatur' yang menyentuh peranan AiTi dalam menjalankan fungsi pelesenan dan pengawalseliaan dengan betul bagi pemasangan apa jua sistem-sistem dan perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi di Negara Brunei Darus-

alam.

Pada seminar itu juga, salah seorang ahli BDARA, Mejor (B) Haji Tamat bin Haji Lampoh menyampaikan ceramah ringkas bertajuk 'Antenna and Propagation' yang menyentuh mengenai dengan pelbagai jenis antena dan jenis gelombang yang sesuai (VHF dan HF) yang perlu diketahui oleh para peminat radio amatuer.

Awang Haji Ayub bin Haji Suhaili dari Persatuan Gemilang Daerah Tutong juga menyampaikan ceramah ringkas bertajuk 'Discover the Magic and Fun of HF Radio' yang mana mereka yang hadir didekah kepada kepentingan mengadakan pelbagai jenis aktiviti-aktiviti yang melibatkan radio amatuer HF.

Seminar juga diselanjurkan dengan Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang Pertandingan ARDF iaitu Kumpulan 'Egg Egg Run' sebagai johan, Kumpulan 'KB Hunter' sebagai naib johan dan tempat ketiga, Kumpulan 'Black Seeker'.

Insan istimewa sertai Peraduan Melukis, Mewarna

Oleh :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BENGKURONG, Ahad, 4 Mac. - Penyertaan peraduan terdiri dari insan-insan istimewa yang berumur empat tahun ke atas dan kanak-kanak biasa yang berumur 4 hingga 12 tahun dari Daerah Brunei dan Muara mendapat sambutan yang menggalakkan dengan menampilkan lebih 200 penyertaan dalam Peraduan Melukis dan Mewarna Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 Tahun yang berlangsung di pekarangan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Peraduan yang merupakan projek tahunan pusat berkenaan dibagikan kepada tujuh kategori iaitu bagi kanak-kanak biasa dalam Kategori 'A' berumur empat hingga lima tahun dan yang berumur enam hingga tujuh tahun bagi Kategori 'B', manakala Kategori 'C' berumur lapan hingga sembilan tahun dan Kategori 'D' berumur sepuluh hingga 12 tahun.

Sementara itu, bagi kanak-kanak berkeperluan khas dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Kategori 'E' berumur 12 tahun ke bawah, berumur 13 tahun ke atas bagi Kategori 'E1' serta Kategori 'E2' bagi kanak-kanak yang berumur 13 tahun ke atas.

Pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni hadir selaku tetamu kehormat majlis yang juga menyem-

purnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang peraduan mengikut kategori masing-masing.

Peraduan mewarna itu, turut diselitkan dengan pameran mengenai perkembangan dan kemajuan pusat tersebut, di samping jualan makanan dan minuman, kraf tangan yang dihasilkan oleh insan-insan istimewa di pusat berkenaan.

Antara tujuan peraduan itu diadakan bagi sama-sama melibatkan insan-insan istimewa di pusat tersebut dalam sama-sama merayakan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 Tahun.

Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap pusat berkenaan selain memperkenalkan program-program yang dijalankan.

Melalui peraduan berkenaan akan dapat memberikan peluang kepada insan-insan istimewa dan kanak-kanak biasa bertanding serta mencungkil bakat masing-masing dalam seni lukis mahupun mewarna pada umur muda dan di samping dapat berinteraksi bersama-sama dengan para ibu bapa.

Peraduan juga diharapkan akan dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara masyarakat berbilang kaum dan bangsa di negara ini.

Juga hadir, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, tenaga-tenaga pengajar dan kakitangan pusat berkenaan serta orang ramai.



SEBAHAGIAN peserta yang mengikuti Peraduan Melukis dan Mewarna Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 Tahun.

Lebih 65 ribu orang kunjungi Pesta Buku Brunei 2012

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Mac. - Lebih 65 ribu orang pengunjung mengunjungi Pesta Buku Brunei 2012 (PBB) yang telah diadakan sejak 25 Februari 2012 dan berakhir dengan Majlis Penutupan Rasmi PBB 2012 bertempat di Dewan Persidangan Media, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Menurut Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Aminah binti Haji Momin yang juga selaku Pengerusi PBB dalam ucapannya menjelaskan PBB pada tahun ini adalah merupakan salah satu acara pengisian sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28.

Tema PBB 'Buku Adalah Masa Depan' katanya, bertepatan dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan NBD pada tahun ini 'Negaraku Brunei Darussalam' iaitu dalam menyemai, membentuk dan membawa karektor bangsa yang berilmu, berwibawa dan mampu mendukung nilai-nilai hidup yang berkualiti dan harmoni berdasarkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) bagi mendukung Negara Zikir serta dapat mengangkat Wawasan Negara 2035.

Tambahnya, PBB merupakan projek nasional dan telah dicatat dalam kalender Pesta Buku Antarabangsa dengan matlamat utamanya memberikan pendedahan kepada orang ramai tentang kepentingan budaya membaca melalui pembacaan buku dan keperluan sains dan teknologi dalam era globalisasi.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan menyampaikan sijil kepada toko-toko buku yang ikut serta di Pesta Buku 2012 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas. - Foto : Azmah Haji Ahad.

"Selain itu yang kedua ianya untuk mempergiatkan industri buku, komunikasi dan multimedia dan ketiga untuk menyatukan penerbit, peniaga, pustakawan, pelukis dan pengeluar buku di bawah satu bumbung dan menggalakkan para belia untuk mencebur kerjaya dalam industri ini," jelasnya lagi.

Menurutnya lagi melalui hasil penelitian Ahli Jawatankuasa PBB selaku pengajur PBB kerana telah mencapai sasaran matlamat DBP khususnya dalam memperkasa budaya membaca di negara ini," terangnya lagi.

"Ini amat membanggakan DBP selaku pengajur PBB kerana telah mencapai sasaran matlamat DBP khususnya dalam memperkasa budaya membaca di negara ini," terangnya lagi.

Tahun ini sebanyak 57 buah syarikat dan toko-toko buku dari dalam

dan luar negeri termasuk Republik Filipina, Iran, Malaysia, Republik Singapura, Jordan, Mesir dan Syria dan tujuh darinya terdiri dari DBP sendiri, Jabatan Mufti Kerajaan, Pusat Sejarah, Jabatan Muzium-Muzium, Jabatan Perkhidmatan Pos, Pusat Da'wah Islamiah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) termasuk dua dari ASEAN Book Publisher Association dan Asia Pacific Publisher Association (APPA).

Selain itu, pihak pengajur turut menyediakan sepuluh buah gerai jualan makanan bagi keselesaan dan kemudahan orang ramai yang datang berkunjung ke pesta ini dan ini secara tidak langsung membuka peluang kepada para peniaga untuk meraih hasil yang sama.

Pada pesta kali ini juga sebanyak 34 tajuk / judul buku terbitan DBP telah dilancarkan termasuk sebuah e-Book Cerita Kanak-Kanak Siting Ting dan hingga sekarang DBP telah menerbitkan lebih dari 300 tajuk buku cerita kanak-kanak sebagai salah satu usaha DBP meningkatkan kualiti penerbitan.

LARIAN HARI KEBANGSAAN 2012

DAERAH BELAIT

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

SERIA, Ahad, 4 Mac. - Bangunan Pusat Insani digegarkan dengan Larian Hari Kebangsaan 2012 Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-28 yang bertema 'Negaraku Brunei Darussalam'.

Larian anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diadakan serentak di keempat-empat daerah yang dibuka secara percuma bagi rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam termasuk agensi kerajaan dan swasta serta institusi tinggi, maktab, sekolah, persatuan belia dan sukan, mukim dan kampung serta orang perseorangan.

Larian dibahagikan kepada tujuh kategori yang dipertandingkan meliputi Kategori 17 Tahun Ke Bawah bagi lelaki dan

perempuan berlari sejauh lima kilometer dan Kategori 18 Tahun Ke Atas bagi lelaki dan perempuan berlari sejauh sepuluh kilometer.

Sementara Kategori Berpasukan Terbuka Lelaki dan Perempuan Tiga Orang Sepasukan berlari sejauh sepuluh kilometer dan Kategori Orang Berkeperluan Khas berlari sejauh tiga kilometer.

Acara larian dimeriahkan dengan Kategori Suka-Suka (Fun Run) berlari sejauh tiga kilometer yang disertai oleh tetamu kehormat.

Pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga Kategori 17 Tahun Ke Bawah bagi lelaki dan perempuan masing-masing menerima medal berserta wang tunai sebanyak BND500, BND400 dan BND250. Begitu pemenang Kategori Orang Berkeperluan Khas, juga masing-masing menerima medal dan wang tunai.

Sementara pemenang nyak BND200, BND150 dan BND100 seorang sementara pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga dalam Kategori 18 Tahun Ke Atas bagi lelaki dan perempuan, juga menerima *medal* berserta wang tunai sebanyak BND400, BND300 dan BND200 setiap seorang.

Manakala Kategori Berpasukan Terbuka Lelaki dan Perempuan Tiga Orang Sepasukan, pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga masing-masing menerima medal berserta wang tunai sebanyak BND500, BND400 dan BND250. Begitu pemenang Kategori Orang Berkeperluan Khas, juga masing-masing menerima *medal* dan wang tunai.

Larian bertujuan bagi mengeratkan hubungan



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa menyertai Larian Hari Kebangsaan 2012 di Daerah Belait.

tempat keempat dan kelima setiap kategori juga membawa pulang hadiah berupa barang sukan.

Larian bertujuan bagi silaturahim dan menjana integrasi dalam kalangan generasi belia dengan berbagai *stakeholders* yang berkaitan di seluruh negara serta menggalakkan masyarakat Brunei

mengamalkan cara hidup sihat di samping membentuk masyarakat yang berdisiplin, cekal dan berdaya saing ke arah membentuk bangsa Brunei cemerlang.

DAERAH TUTONG

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos menyampaikan hadiah kepada pelari veteran dalam yang berumur 69 tahun dari Kampung Keriam, Awang Haji Othman bin Haji Lahap. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Buah dan Zaman bin Sulaiman.

Acara pagi itu dimulakan dengan pemanasan badan dan senaman aerobik.

Sebanyak lapan kategori yang dipertandingkan terdiri dari Kategori 17 Tahun Ke Bawah (Lelaki), 17 Tahun Ke Bawah (Perempuan), 18 Tahun Ke Atas (Lelaki), 18 Tahun Ke Atas (Wanita), Berpasukan Terbuka Lelaki (Tiga Orang), Berpasukan Terbuka Wanita (Tiga Orang), Orang Berkeperluan Khas dan Fun Run.

Kategori Berpasukan Terbuka Lelaki dijuarai oleh P.O.C 1 Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) terdiri dari Jiji bin Reffon, Aminur Rashidin bin Haji Md. Zaidi dan Khair Hakimin bin Ahad manakala perempuan ialah Shariyah binti Mohamad, Masnado binti Samak dan Nurafiqah binti Haji Rozaimi.

Kategori Bagi Orang Berkeperluan Khas masing-masing dijuarai oleh Md. Jamary Janggat, Ahrin bin Awang Yamif, Wahroseliza binti

kala Kategori 18 Tahun Ke Atas Lelaki serta Perempuan dan Berpasukan Terbuka Lelaki dan Perempuan berlari sejauh sepuluh km kemudian tiga km bagi Kategori Orang Berkeperluan Khas serta Fun Run.

Larian Belia Hari Kebangsaan merupakan anjuran Jabatan Belia dan Sukan, KKBS sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-28 dan ianya diadakan di kempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam.

Tujuan utama larian tersebut ialah untuk mengeratkan hubungan sejauh lima km, man-

integrasi di kalangan generasi belia dengan berbagai *stakeholders* yang berkaitan di seluruh negara serta menggalakkan masyarakat Brunei mengamalkan cara hidup sihat dengan melibatkan kegiatan sukan dan riadah secara berterusan.

Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memupuk perpaduan persefahaman dan kerjasama dalam kalangan lapisan masyarakat demi pembangunan dan kemajuan sukan untuk negara di samping membentuk masyarakat yang berdisiplin, cekal serta berdaya saing ke arah membentuk bangsa Brunei cemerlang.

DAERAH TEMBURONG

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG, Ahad, 4 Mac. - Lebih 200 peserta menyertai Larian Kebangsaan 2012 bagi Daerah Temburong yang bermula dan berakhir di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong di sini.

Pelepasan bagi para peserta disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Md. Azmi bin Haji Suhaili pula menjuarai Kategori 18 Tahun Ke Atas Wanita (10 Kilometer).

Sementara itu kumpulan yang terdiri dari Md. Adyzam bin Budin, Suhaili bin Haji Nayan dan Haji Md. Azmi bin Haji Suhaili pula menjuarai Kategori Berpasukan Terbuka Lelaki Tiga Orang Sepasukan (10 Kilometer).

Bagi Kategori 17 Tahun Ke Bawah Lelaki (5 Kilometer) dimenangi oleh Awangku Amirul Huzaiman bin Pengiran Asmadi, manakala Kategori 17 Tahun Ke Bawah Perempuan (5 Kilometer)

pula dimenangi oleh Lyn Sharomica Chin.

Kategori 18 Tahun Ke Atas Lelaki (10 Kilometer) dimenangi oleh Md. Shah Azhar bin Abdullah Ahad sementara Jenny Bromley menjuarai Kategori 18 Tahun Ke Atas Wanita (10 Kilometer).

Bagi Kategori Orang Berkeperluan Khas (OKB – 3 Kilometer) pula Endry Gawan Anak Othman menjuarai bahagian kurang pendengaran dan intelektual, Mohd. Khalid bin Daud menjuarai bahagian cacat penglihatan manakala Hirdan bin Haji Abd. Kadir menjuarai bahagian berkerusi roda.

Penyampaian hadiah-hadiah disempurnakan oleh Awang Haji Ismail.

Larian Kebangsaan 2012 bagi memperingati Hari Kebangsaan Ke-28 ini merupakan anjuran KKBS dan dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Temburong dengan antara lain bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dan menjana integrasi dalam kalangan generasi belia dengan berbagai *stakeholders* di seluruh negara.

Ia juga untuk menggalakkan masyarakat Brunei mengamalkan cara hidup sihat melalui kegiatan sukan dan riadah secara berterusan selain untuk memupuk perpaduan, persefahaman dan kerjasama di kalangan lapisan masyarakat demi pembangunan dan kemajuan sukan untuk negara dan membentuk masyarakat yang berdisiplin, cekal dan berdaya saing ke arah membentuk bangsa Brunei yang cemerlang.



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim menyertai acara senamrobiik memanaskan badan sejurus sebelum larian dimulakan. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Ibu bapa perlu tingkatkan kemahiran IT

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli



PENGARAH Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim Derus menyampaikan ucapan di Majlis Pelancaran Program Penyebarluasan Ilmu pada Masyarakat.

SERIA. -Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim Derus berkata, dalam era teknologi maklumat yang tersebar luas dan begitu cepat, para ibu bapa tidak harus ketinggalan dalam mempelajari ilmu dan kemahiran digital atau IT.

Sehubungan itu, Awang Haji Abdul Rahim menyarankan kepada semua ibu bapa untuk terus belajar dan meningkatkan kemahiran kerana kemahiran dalam IT merupakan salah satu kemahiran yang dianggap penting dan sangat diperlukan dalam kehidupan harian pada masa ini.

Awang Haji Abd. Rahim menyarankan demikian pada Majlis Pelancaran Program Penyebarluasan Ilmu Kepada Masyarakat yang diadakan di Maktab Anthony Bell pada 13 Februari 2012.

Beliau berkata, berdasarkan laporan Kajian Pengguna ICT 2010 di Negara Brunei Darussalam yang disediakan oleh pihak AiTi, menunjukkan sebanyak 82 peratus isi rumah mempunyai komputer.

Kajian tersebut juga menunjukkan 60 peratus isi rumah di negara ini mempunyai akses kepada internet dan data juga menunjukkan bahawa akses kepada internet sangat tinggi termasuk isi rumah yang mempunyai anak-anak masih menuntut di sekolah-sekolah dan pengajian tinggi.

Di samping itu, kajian oleh 'Social Bikers' juga menunjukkan bahan lebih 233,000 orang atau 59 peratus penduduk negara ini pengguna rangkaian sosial Facebook dengan 17 peratus pengguna rangkaian tersebut berumur di antara 13-17 tahun, manakala sebanyak 33 peratus berumur di antara 18-24 tahun.

"Ini adalah petanda positif yang menunjukkan penduduk Negara Brunei Darussalam mempunyai rakyat yang cekit IT," ujar beliau selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan.

Pada majlis tersebut beliau menyarankan kepada ibu bapa dan penjaga pelajar agar terus menyokong dan memberi kemudahan kepada anak-anak mereka untuk menggunakan komputer dan internet di rumah secara bijak terutama dalam pembelajaran mereka dan akan terus memberi bimbingan dalam memilih bahan-bahan yang bersesuaian bagi

peringkat umur mereka.

Beliau juga mengingatkan, meskipun akses kepada komputer dan internet sangat berguna untuk pembelajaran anak-anak mereka, para ibu bapa dan penjaga pelajar juga perlu mengambil beberapa langkah dalam mempertingkatkan keselamatan siber.

Beliau menambah, berdasarkan kajian Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada tahun 2008, mengenai corak dan penggunaan ICT dalam kalangan pelajar di negara ini menunjukkan pelajar meluangkan antara 2-3 jam setiap minggu di rumah ke atas 'Instant Messaging' (IM) atau 'Chatting', permainan online dan e-mel dan meluangkan kira-kira dua jam pada kerja sekolah menggunakan word processor, spreadsheet, Information Retrieval.

Sehubungan itu beliau memberikan beberapa amalan terbaik dalam keselamatan siber di rumah antaranya memastikan anak-anak mereka tidak menghabiskan masa mereka duduk depan komputer, memastikan komputer disimpan di kawasan yang boleh diawasi, mengambil tahu apabila anak-anak mereka online atau semasa melayari internet.

Selain itu anak-anak perlu diajar mengenai maklumat yang boleh dan tidak boleh dikongsikan dengan orang lain yang tidak dikenali seperti nombor telefon, alamat, nama penuh mereka dan sekolah serta memberi gambar mereka serta sedaya upaya mengenali kawan-kawan online mereka.

Oleh itu beliau menyarankan para ibu bapa dan penjaga pelajar supaya sentiasa mengambil perhatian terhadap keselamatan siber dan berwaspada demi menjaga anak-anak mereka dari perkara yang tidak diingini.

Program Penyebarluasan Ilmu Kepada Masyarakat bertema 'Ke arah Masyarakat Celik IT' dianjurkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru maktab berkenaan antara lain bertujuan bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyebarkan ilmu kepada masyarakat setempat dan juga kepentingan mengamalkan budaya pembelajaran sepanjang hayat bagi masyarakat setempat.

Ke arah itu pihak maktab memilih mengadakan Kursus Komputer Asas kepada ibu bapa dan penjaga pelajar sebagai salah satu program pilihan majoriti ibu bapa.

Pengetua maktab berkenaan, Rahagi Deli menyatakan, memberikan kursus tersebut difikirkan sesuai kerana terdapat tenaga pengajar yang boleh mengajar pengetahuan asas komputer dan juga terdapat komputer yang telah diberikan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah tahun lepas.

Dalam Peperiksaan GCE 'O' Level tahun lalu, maktab berkenaan telah menunjukkan peningkatan dari tahun sebelumnya, dengan mendapat kredit lima ke atas sebanyak 23.53 peratus pada tahun 2011, manakala 15.65 peratus pada tahun 2010.

Bekerjasama jayakan aktiviti, projek kampung

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG. – Semua Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan seluruh penduduk kampung diseru supaya sentiasa bekerjasama antara satu dengan yang lain dalam sama-sama menjayakan aktiviti dan projek kampung bagi kesejahteraan dan keharmonian kampung.

Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop membuat seruan itu semasa Mesyuarat Agung MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah itu beliau menyeru supaya sistem pentadbiran dan pengurusan yang sedia ada akan dapat di 'review' dan diteliti semula bagi memastikan ia benar-benar berkesan.

Aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang telah dan sedang dilaksanakan jelasnya hendaklah juga dinilai semula dan dipertingkatkan demi mencapai matlamatnya serta

projek yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur selain tujuan serta matlamat perlaksanaannya dapat dicapai dan diperolehi serta hasilnya dapat dinikmati bersama oleh semua penduduk kampung.

Menyentuh pelantikan baru Ahli-ahli MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah itu beliau menyeru supaya sistem pentadbiran dan pengurusan yang sedia ada akan dapat di 'review' dan diteliti semula bagi memastikan ia benar-benar berkesan.

Awang Suhara Fadzali berharap dengan adanya sokongan dan kerjasama tersebut segala aktiviti dan



PENOLONG Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop hadir menyampaikan sijil pada Mesyuarat Agung MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah. - Foto : Nurhidayah Haji Kamis.

diberi nilai tambah.

Mesyuarat antara lain meneliti dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah, membubarkan Ahli Jawatankuasa Yang Baru Bagi Sesi 2012-2016.

Majlis juga diselanjurkan dengan penyampaian sijil-sijil kepada Ahli Jawatankuasa Yang Baru Bagi Sesi Tahun 2006-2011.

Pusat Ehsan terima sumbangan BND1,000

Oleh : Khartini Hamir

BENGKURONG. – Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam ketika ini giat melaksanakan projek perpustakaan bagi tujuan untuk meningkatkan kemahiran literasi pelajar yang berkeperluan khas.

Bahan bacaan yang tidak mencukupi untuk menyokong peningkatan jumlah pelajar yang mengikuti program pendidikan di pusat tersebut telah mendapat perhatian Askar Pinjaman British (UK Loan Service Team) yang telah membuat sumbangan bahan bacaan di pusat tersebut pagi tadi.

Pengurus Pasukan Perkhidmatan Pinjaman British, Karen



KETUA Pentadbiran Pusat Ehsan, Awang Haji Abdul Hamid ketika menerima barang peralatan yang disumbangkan oleh British Loan Service kepada pusat berkenaan. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Martin menyerahkan sumbangan berupa beberapa buah peralatan perpustakaan dan bahan bacaan yang bernilai BND1,000 melalui hasil kutipan dana mereka.

Menerima sumbangan tersebut bagi pihak Pusat Ehsan ialah Ketua Pentadbiran Pusat Ehsan, Awang Haji Abdul Hamid bin Maafur bersama dua orang pelajar berkeperluan khas pusat tersebut pada 15 Februari 2012.

Pasukan Perkhidmatan British dengan kerjasama anggota Tentera Diraja Brunei dan sukarelawan yang menjalankan Perkhidmatan Pinjaman Dana di Berakas Kem telah berusaha memperolehi hasil penjualan pakaian, buku, barangan isi rumah dan sebagainya untuk didermakan atas tujuan amal kebajikan di negara ini.

Buku-buku yang dibeli terdiri daripada seni dan kraf tangan untuk anak-anak, buku memasak, buku character building, buku cerita bergambar dan buku-buku jenis easy learning dari peringkat 1-3.

Dengan sumbangan tersebut diharap akan dapat meningkatkan keupayaan pelajar dalam aktiviti literasi selain dapat meningkatkan lagi perkembangan kognitif mereka, memudahkan penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti dan meningkatkan peluang pekerjaan pada masa akan datang. Selain itu ianya juga diharap membina hubungan sosial dan meningkatkan keyakinan mereka untuk berkomunikasi dengan berkesan.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam melahirkan penghargaan ikhlas kepada Pasukan Askar Pinjaman British di atas sumbangan berharga mereka dalam menyediakan beberapa bahan bacaan untuk perpustakaan dan untuk menyampaikan bantuan kepada keperluan pendidikan pelajar selain keperluan tambahan dalam penjagaan.

BPL adakan tunjuk cara gubahan bunga

GADONG. - Bahagian Pendidikan Lanjutan (BPL), Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan kini giat berusaha mengembangluaskan dan mempelbagaikan kemahiran dalam bidang urusan rumahtangga seiring dengan kehendak orang ramai.

Sehubungan dengan itu, satu tunjuk cara gubahan bunga yang diperbuat daripada sabun telah diadakan di Kelas Seni Gubahan Bunga, Bangunan Pendidikan Lanjutan bersama tenaga pengajar Kursus Seni Gubahan Bunga yang bertujuan untuk mengenalkan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti Kursus Gubahan Bunga pada 9 Februari 2012.

Pada dasarnya, bunga plastik lebih diminati ramai kerana mudah digubah dan juga senang diperolehi di kedai-kedai berbanding dengan bunga yang diperbuat daripada sabun,

dengan kualiti dan harganya juga mahal atas sebab gubahan bunga daripada sabun dihasilkan dari buatan tangan.

Bagi tunjuk cara akan datang pula, BPL akan terus merancang untuk mengadakan tunjuk cara gubahan bunga yang menggunakan pelbagai bahan.

Dengan adanya kemahiran yang diperolehi oleh para pelajar, mereka akan berpuas hati dari hasil buatan tangan sendiri dan lebih berbaloi apabila melihat hasil usaha sendiri.

Jika serius dalam bidang ini boleh mendatangkan hasil yang lumayan seperti tempahan untuk bunga telur bagi Majlis Khatam Al-Qur'an, Majlis Perkahwinan Malam Berbedak dan banyak lagi. Selain itu, boleh dijadikan cenderamata, barang perhiasan yang

boleh disimpan di dalam bilik tamu dan sebagainya, kerana bukan sahaja cantik tetapi digunakan sebagai terapi kerana baunya yang harum.

Tunjuk cara seumpama ini selain bertujuan untuk memperkenalkan kepada orang ramai, khasnya kepada yang berminat dalam seni gubahan bunga, seperti para remaja atau generasi baru untuk mengisi masa lapang ianya juga secara tidak langsung membantu mereka menambah kreativiti yang boleh dijadikan satu hobi dan perniagaan secara kecil-kecilan.

Melalui kemahiran ini juga, dapat membantu para suri rumahtangga untuk menambah mata pencarian dan kepada para peniaga yang berminat dapat menambah pengetahuan dalam bidang ini yang semakin diminati dan dapat menarik perhatian orang ramai.

Fahami pelan tindakan 21 bagi mencapai aspirasi Komuniti ASEAN 2015



Oleh :
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Nurul Ain Hamdani

nya, para pendidik di rantau ini harus membayangkan peranan mereka dalam memastabatkan kualiti pendidikan bukan sahaja di negara sendiri malahan juga di rantau ini secara keseluruhannya.

Istilah *kualiti* dalam pendidikan berkualiti berbeza mengikut perspektif individu dan dalam konteks ASEAN, tanggapan pendidikan berkualiti belum lagi diterokai dan dijelaskan sepenuhnya.

Demikian antara yang terkandung dalam ucapan mengenai Laporan Negara Brunei Darussalam berdasarkan tema 'Meningkatkan Kualiti Pendi-

dikan Ke Arah Merealisasikan Komuniti ASEAN 2015' oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman pada Majlis Pembukaan Rasmi Konvensyen Majlis Guru-Guru ASEAN (ACT) 2012 di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong pada 25 Februari 2012.

Menurutnya, terdapat pelbagai langkah dan cara yang sudah tersedia bagi semua untuk dipertimbangkan dalam meningkatkan kualiti pendidikan tanpa mengira keupayaan masing-masing di dalam atau di luar persekitaran

pendidikan.

Di Negara Brunei Darussalam jelasnya, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam memastikan kualiti pendidikan yang dikehendaki dapat dicapai selaras dengan keperluan untuk mencapai aspirasi ASEAN 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti'.

Antara inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam ketika ini jelasnya, meningkatkan kualiti dan menerapkan pendidikan termasuk teknikal, vokasional dan latihan kemahiran pendidikan di rantau ASEAN serta menjalankan kajian pelbagai program biasiswa ASEAN dari semasa

ke semasa bagi tujuan mewajarkan dan menyatakan mereka untuk meningkatkan kesan.

Di samping itu tambanya, inisiatif juga termasuk menggunakan ICT untuk menggalakkan pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat terutamanya dalam masyarakat yang kurang pendidikan melalui pendidikan yang terbuka dan e-Pembelajaran serta mewujudkan rangkaian kerjasama pendidikan di pelbagai peringkat institusi pendidikan dan meneruskan rangkaian universiti selain meningkatkan dan menyokong pertukaran pelajar dan kakitangan dan hubungan profesional termasuk mewujudkan kluster penyelidikan antara institusi pengajian tinggi ASEAN.

Menurut laporannya, beliau turut menyatakan inisiatif lain termasuk mengukuhkan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan pendidikan serantau dan antarabangsa yang lain untuk meningkatkan kualiti pendidikan di rantau ini, membangunkan dan menawarkan kursus pengajian ASEAN pada peringkat pendidikan rendah, menengah dan tinggi di samping meneruskan program pembangunan kepimpinan belia ASEAN dan program yang serupa dengan objektif yang sama dan menggalakkan rangkaian antara alumni program belia ASEAN bagi menggalakkan perpaduan dan persefahaman.

Dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan merentasakan Komuniti ASEAN 2015, beliau

menyatakan adalah sangat mustahak bagi guru-guru dan para pendidik untuk memahami makna sebenar *qualiti pendidikan*.

Dalam hubungan ini katanya, objektif strategik dan pelan tindakan 21 bagi memajukan dan mengutamakan pendidikan seperti yang digariskan dalam peta jalan Komuniti ASEAN 2009-2015 tidak memberikan rujukan langsung terhadap kriteria kualiti pendidikan dan cara untuk meningkatkannya.

Oleh itu jelasnya, guru dan pendidik harus memahami pelan tindakan 21 yang dirumuskan sebagai jalan mencapai aspirasi Komuniti ASEAN 2015 yang memerlukan sokongan padu dari semua ahli negaranya.

YANG DI-PERTUA Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) Awang Haji Antin bin Ahad menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Kongres Pertemuan Guru-Guru Nusantara Ke-13 yang berlangsung di Hotel Rizqun Gadong. - Foto : Dk. Nur Hafiz Pg. Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dalam menyokong matlamat ASEAN bagi mencapai aspirasi-

Oleh : Norahmadiman Taha



MAJLIS Menandatangani Perjanjian Projek Pemuliharaan Manuskip Khas antara Pusat Sejarah Brunei dengan dua orang konsultan akan melaksanakan Projek Pemuliharaan Manuskip Khas Mengenai Brunei dan Borneo. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) kini memiliki sekumpulan manus-

kip mengenai Brunei dan Borneo dari Singapura bernilai BND1,758,000 yang sebahagiannya di-

angarkan berusia lebih seratus tahun.

Manuskip tersebut dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan Mac 2010 untuk disimpan sebagai faedah rujukan dan penyelidikan.

Majlis Menandatangani Perjanjian Projek Pemuliharaan Manuskip Khas

antara PSB dengan dua konsultan yang dilantik berlangsung di Bilik Panggung Sejarah, PSB, di ibu negara pada 22 Februari 2012.

Menandatangani bagi pihak PSB ialah Timbalan Pengetua PSB, Awang Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman disaksikan oleh Penyelia Pejabat, Awang Norsahrul bin Haji Ibrahim.

Sementara itu, dua konsultan menandatangani perjanjian bersama ia-lah mantan Kurator Pemuliharaan Muzium-Muzium Brunei, Lai Huat Begawan Pechin Khatib Da-

isaksikan oleh Pegawai Sejarah Kanan, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad dan Konsultan Pemuliharaan Buku dan Kertas Tuan Alex Teoh dari Singapura

disaksikan oleh Pegawai

Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Haji Zaine bin Mohd. Daud.

Hadir menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian tersebut ialah Pengetua PSB, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdulllah.

to Seri Paduka Haji Awang Umar.

Disebabkan kondisi manuskip tersebut sudah berada dalam tahap yang kritis, Unit Pemuliharaan dan Penjilidan, Bahagian Sumber telah bertindak segera agar kerja-kerja pemuliharaan dilaksanakan secepat mungkin dan hal ini telah diambil maklum dan mendapat sokongan daripada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdulllah.

Projek itu akan mengambil masa selama tiga hingga lima bulan bermula 20 Februari 2012 bertempat di Bilik Pemuliharaan, PSB.

Pemuliharaan ini bertujuan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan manuskip terutamanya bahan yang bernilai dan mengandungi pelbagai maklumat penting, untuk meningkatkan pengetahuan tentang cara pelaksanaan dan prosedur pemuliharaan yang betul serta memulihara bahan manuskip sebagai warisan sejarah negara.

CSPS anjur Seminar Sistem Maklumat Geografi

Oleh : Ak. Jeffery Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN.

- Para pegawai Pusat Penyelidikan Strategik dan Polisi (CSPS), Jabatan Tanah, Jabatan Ukur, Jabatan Bandar dan Desa, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan lain-lain pengamal tempatan hari ini menghadiri seminar setengah hari Sistem Maklumat Geografi (GIS) termasuk sembilan pelajar sarjana dari UBD untuk membiasakan diri dengan aplikasi praktikal GIS pada projek-projek pembangunan Negara Brunei Darussalam dan luar negara.

Pengarah Eksekutif CSPS, Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman semasa berucap di Bangunan CSPS pada 24 Februari 2012 berkata latihan yang dikendalikan oleh CSPS dalam kajian bukan sahaja sebagai sebahagian daripada latihan pemindahan pengetahuan dan keupayaan komponen bangunan bagi kepentingan tempatan, tetapi juga untuk menggalakkan sinergi institusi di dalam aplikasi GIS di dalam perancangan dan dasar di Brunei.

CSPS selaku pengajur Seminar GIS turut mengundang perunding dari Australia, Roger Gibbins dan Ross Larsen dari SGS Ekonomi dan Perancangan yang sedang menjalankan kajian CSPS pada 'Strategi Pengoptimuman Tanah Untuk Pertumbuhan Industri dan Perdagangan di

Negara Brunei Darussalam'.

Roger Gibbins mendefinisikan GIS sebagai alat analisis yang berkesan yang menggabungkan analisis statistik, teknologi pangkalan data dan kartografi dan menekankan keperluan untuk GIS berangkai untuk pengumpulan data dan perkongsian.

Seminar juga turut meneroka konteks untuk GIS dalam sistem tadbir urus, peranan institusi penyelidikan dan cabaran yang dihadapi oleh penyelidik dan penganalisis GIS.

Seminar membincangkan pelbagai aplikasi GIS semasa yang berpotensi di samping berkongsi idea bersama pengamal tempatan GIS dan mencari kaedah bagaimana sistem berangkai terbaik GIS dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan terutamanya dalam penggunaan data GIS untuk analisis dasar.

Penyelidik CSPS, Dr. Sophiana Chua Abdullah, menerangkan kepentingan latihan GIS untuk penyelidik dan penganalisis dalam kedua-dua sektor awam dan swasta.

Seminar tersebut katanya sebagai pemangkin kepada sebuah bengkel *hands-on* dalam kaedah penyelidikan, dan aplikasi GIS yang akan dianjurkan oleh CSPS April depan.

Menggunakan alat ekonomi

dan GIS, kajian CSPS telah mengenal pasti beberapa kelompok industri yang berpotensi untuk Brunei serta tanah yang diperlukan untuk menampung aktiviti-aktiviti ekonomi.

Kajian ini dijangka akan selesai pada Mei 2012.

Berita dan Foto : Aryenty Haji Ariffin

TUTONG. - Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Tutong mengadakan kerja kemasyarakatan iaitu Program KAMAS secara bersepadu yang melibatkan 40 peserta Program Belia Cinta Tanah Air bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bukit Udal, Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Bomba dan Penyelamat Cawangan Operasi 'E' Balai Bomba Tutong, Persatuan Kenderaan Pacuan Empat Roda Daerah Tutong dan Kelab Putus Belia Daerah Tutong serta beberapa jabatan-jabatan kerajaan di daerah ini pada 18 Februari 2012.

Kerja Kemasyarakatan itu dilaksanakan di sebuah rumah di Kampung Bukit Udal



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu menyerahkan sumbangan kepada wakil keluarga Awang Kanchang bin Abdullah.

Tutong milik keluarga Awang Kanchang bin Abdullah yang kini didiami oleh anak perempuannya bersama suami dan dua orang anak mereka masing-masing berumur lima tahun dan sepuh bulan serta seorang anak saudara perempuan mereka yang masih bersekolah.

Keadaan rumah tersebut mengalami kesosakan teruk pada cermin dan pintu yang boleh menjelaskan keselamatan penghuni yang mendiami rumah berkenaan.

Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan lagi semangat kenegaraan kekitaan dalam kalangan belia di dalam kehidupan bermasyarakat di Negara Brunei Darussalam, di samping mengelakkan keberkesanan hidup bermasyarakat, beragama dan bernegara serta berpersatu.

Melalui program seumpama ini para belia diharap dapat menghargai dan mengamalkan sikap pemedulian dalam memberikan khidmat hidup bermasyarakat.

Antara kerja-kerja kemasyarakatan yang dilakukan termasuklah penyembur racun nyamuk di kawasan rumah, penanaman pokok-pokok buah, membersihkan kawasan dalam dan luar rumah serta membaiki dan menganti cermin-cermin dan pintu-pintu rosak.

Selain kerja-kerja kemasyarakatan itu, beberapa pihak dari syarikat-syarikat dan

orang perseorangan turut menghulurkan bantuan kepada keluarga tersebut seperti keperluan harian yang disumbangkan oleh Jabatan Daerah Tutong dan Jabatan Pembangunan Masyarakat, di samping barang-barang rumah dan dapur sumbangan Kah Huat Brother, Sin Heng Enterprise dan Perusahaan Puteri Maya.

Hadir bagi mengetuai kerja-kerja kemasyarakatan itu ialah, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan turut dihadiri oleh penghulu Mukim Tanjong Maya, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua jabatan di Daerah Tutong.

Semasa ditemui, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu berharap program seumpama ini akan dapat memberi impak yang bermakna dalam kalangan para belia dan secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada para belia untuk memperbaiki keadaan pelajaran masing-masing di mana belia diharap berpendapat kemiskinan itu dapat dikurangkan dari pendidikan yang baik yang kemudiannya dapat memperbaiki kehidupan masa depan.

Kerja Kemasyarakatan (KAMAS) itu merupakan salah satu aktiviti di dalam Fasa I 'Iltizam Belia Dengan Orang Ramai' bagi Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-28.



TAP adakan Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Ke-18

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. – Tahun Tabung Amanah Pekerja (TAP) mengadakan Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran serta Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah Sempena Sambutan Ulang Tahun TAP Ke-18 dan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 Tahun.

Hadir menyertai acara keagamaan di Surau Kementerian Kewangan itu ialah Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. 'Abdoh bin Dato Seria Haji Abdul Salam selaku Timbalan Pengurus Lembaga TAP pada 27 Februari 2012.

Juga hadir, Ahli-ahli Lembaga TAP, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah disusuli Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Imam Masjid Kampung

Perpindahan Mentiri, Awang Haji Toharah bin Haji Ongsang.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai yang juga dikepalai oleh Awang Haji Toharah.

Selesai menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Doa Selamat dan Doa Kesyukuran dibacakan oleh Awang Haji Toharah.

TAP sebuah agensi badan korporat mula beroperasi pada 1 Januari 1993 selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha untuk memberikan kemudahan perlindungan sosial bagi menampung keperluan 'Hari Tua' rakyat dan penduduk negara ini yang bekerja di sektor awam dan swasta.

Melalui skim TAP ini, setiap pekerja warganegara dan penduduk tetap

Negara Brunei Darussalam berusia 18 hingga 55 tahun diwajibkan menyertai TAP dengan membuat caruman setiap bulan sebanyak lima peratus daripada gaji pokok mereka, manakala piyah majikan pula menyumbang pada kadar yang sama ke dalam tabungan ahli.

Sepanjang penubuhan TAP, 19 tahun yang lalu, operasi pengurusan skim ini diterajui oleh Lembaga Pengarah yang dilantik melalui titah perkenan Kebawah DYMM untuk tempoh setiap dua tahun dan pentadbirannya diketuai oleh Pengarah Urusan.

TAP telah mencapai beberapa kemajuan dan perkembangan dalam pengurusan dan juga mutu perkhidmatannya.

Pekerja-pekerja yang diwajibkan mencarum berumur di bawah 55 tahun; pekerja tetap; pekerja kontak; pekerja sementara; dan pekerja percubaan.

Setiap pekerja dibolehkan menambah jumlah caruman bulanan secara sukarela dengan memaklumkan kepada majikan masing-masing.

Bahagian Pasport dibuka hari Jumaat sepanjang cuti persekolahan

BANDAR SERI BEGAWAN,

Isnin, 5 Mac. – Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) memaklumkan bahawa Bahagian Dokumen Perjalanan atau lebih dikenali dengan Bahagian Pasport di Jalan Menteri Besar dan pejabat-pejabat cawangan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong akan menambah waktu perkhidmatannya kepada orang ramai sepanjang musim cuti persekolahan penggal pertama pada tahun ini.

Tambahan waktu perkhidmatan yang dimaksudkan ialah dengan membuka kaunter perkhidmatan pasport kepada orang ramai pada hari Jumaat. Dengan adanya kemudahan ini orang ramai bolehlah berurusan ke Bahagian Dokumen Perjalanan bermula pukul 8.05 sehingga 11.15 pagi pada

9 hingga 23 Mac 2012 sahaja.

JIPK juga menasihatkan orang ramai yang akan membuat perjalanan ke luar negara khususnya yang melintasi pos-pos kawalan Imigresen melalui jalan darat supaya akan dapat merancang perjalanan dengan bijak dan berhemah bagi mengelak perjalanan mereka terperangkap di deretan kenderaan yang panjang ketika menggunakan pos-pos kawalan melalui darat di Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu waktu operasi bagi pos-pos kawalan melalui darat seperti Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah Daerah Brunei Muara, Sungai Tujuh Daerah Belait Labu dan Puni Daerah Temburong akan bermula pukul 6.00 pagi sehingga pukul 10.00 malam setiap hari.

Kapal Persiaran MV ORIANA tiba di Pelabuhan Muara



PEMANGKU Pengarah Pelabuhan, Awang Helmi bin Haji Talib menyerahkan plak kepada Kapten Kapal Persiaran MV ORIANA, Robert Camby. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Oleh : Haniza Abdul Latif

MUARA. - Kapal Persiaran MV ORIANA tiba di Pusat Kapal Persiaran, Pelabuhan Muara Negara Brunei Darussalam dari Hong Kong.

Sempena ketibaan kapal tersebut, penyerahan plak kepada Kapten Kapal, Robert Camby disampaikan oleh Pemangku Pengarah Pelabuhan, Awang Helmi bin Haji Talib pada 9 Februari 2012.

Kapal persiaran yang dibina pada tahun 1995 seberat 69,153 tan metrik dan berukuran 260.97 meter panjang membawa seramai 1,745 pelancong dan 818 kru itu akan belayar

menuju ke pelabuhan seterusnya di Bali, Republik Indonesia pada hari yang sama.

Menurut statistik, dari tahun 2006 hingga 2010 lalu, Pelabuhan Muara mencatatkan peningkatan dalam bilangan kapal-kapal persiaran, penumpang dan kru yang mana pada tahun 2009, terdapat 24 kapal persiaran dengan 20,599 penumpang dan 9,894 kru berlabuh di negara ini.

Manakala, pada tahun 2010, 34 kapal persiaran membawa sejumlah 33,860 penumpang dan 14,310 kru telah berdaftar, menunjukkan peningkatan se-

banyak 42 peratus dari tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, pada tahun lepas kemasukan kapal-kapal persiaran, penumpang dan kru menunjukkan pengurangan sebanyak 38 peratus dari tahun 2010 iaitu sebanyak 21 kapal persiaran, 19,151 penumpang dan 7,789 kru.

Jabatan Pelabuhan memuji perkhidmatan kapal persiaran itu dalam memilih Pelabuhan Muara sebagai salah satu daripada pelabuhan mereka kerana ia menyumbang kepada peningkatan bilangan pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha

pengangkutan tempatan, ejen pelancongan, syarikat pelancongan dan lain-lain yang berkaitan dengan perniagaan.

Jabatan tersebut juga akan terus bekerja rapat dengan Lembaga Pelancongan Brunei untuk menjalankan promosi dan pemasaran bersama seperti mengeluarkan bahan-bahan bercetak, risalah dan lain-lain bahan promosi dalam usaha untuk menarik lebih ramai warga asing dalam rantaui ini dan seluruh dunia untuk melawat negara ini.

Sementara itu, jabatan berkenaan akan terus berbincang dengan pemilik ejen pelayaran/perkapalan untuk menarik lebih banyak kapal-kapal pelayaran singggah di Pelabuhan Muara.

33 peserta terima sijil tamat Kursus Penerangan Am Pengakap Bagi Guru-Guru Sekolah

Oleh : Muhammad Hamdanajib Haji Domeng

BANDAR SERI BEGAWAN. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD)

melalui Pasukan Latihan Pengakap Kebangsaan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam telah mengajurkan Kursus Penerangan Am Kepada Pemimpin dan Penolong Pemimpin Pasukan Pengakap yang baru terdiri daripada guru-guru sekolah menengah dan rendah kerajaan serta pendidikan swasta juga ahli Pengakap Kelana.

Sehubungan dengan itu, seramai 33 Pemimpin dan Penolong Pemimpin Pasukan Pengakap serta guru-guru sekolah telah menerima sijil penyertaan di Majlis Penutup Kursus di Ibu Pejabat PPNBD, Jalan Gadong pada 12 Februari 2012.

Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan dan Penutup Kursus

telah disempurnakan oleh Skipper Awang Matussin bin Orang Kaya Haji Tuba, selaku Naib Yang Di-Pertua PPNBD.

Dayang Hajah Noraini binti Haji Saidi, selaku Pengarah Kursus menjelaskan kursus ini diadakan untuk menanamkan minat dan kecenderungan pemimpin dan penolong pemimpin pasukan pengakap yang baru untuk lebih melibatkan diri mereka dalam menyertai sesbuah organisasi yang berorientasikan kerja-kerja kemasyarakatan, di samping dapat memberi lebih keyakinan dalam melatih ahli-ahli pengakap masing-masing.

Beliau merupakan pemimpin pengakap wanita yang pertama dilantik menjadi Pengarah Kursus Pengakap merakamkan penghargaan terima kasih kepada Pasukan Latihan Pengakap Kebangsaan atas kepercayaan yang diberikan dalam pengendalian kursus tersebut.

Kursus yang dijalankan se-



NAIB Yang Di-Pertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Skipper Awang Matussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba menyampaikan sijil penyertaan kepada seorang ahli PPNBD. - Foto : Ihsan PPNBD.

hari itu memberi pendedahan kepada pemimpin dan penolong pemimpin pasukan pengakap yang baru menyertai pergerakan pengakap melalui tujuh sesi kursus iaitu misi dan visi pengakap, tujuan dan kaedah berpengakap serta sejarah pergerakan pengakap.

Selain itu, peserta kursus juga didekahkan kepada Pergerakan Pengakap Sedunia, kebangsaan dan strukturnya

serta penerangan mengenai bahagian-bahagian dalam pergerakan pengakap dan skim latihan bagi Pemimpin Pasukan juga Skim Anugerah Lencana Kecekapan dan Kemajuan Pengakap serta isu-isu semasa yang berhubung kait dengan kerja kemasyarakatan dan global sebelum ditutup dengan sesi soal jawab, penilaian kursus dan menjawab soalan pelajaran 1.

Walkaton Amal jalin perpaduan dan bantu anak yatim

TEMBURONG. - Walkaton Amal anjuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIGB) Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-28 Tahun telah diadakan di kawasan Padang Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi Temburong pada 25 Februari 2012.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Walkaton Amal ini ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Suhara Fadzali bin Haji Yusop.

Walkaton juga disertai oleh penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, para pegawai dan kakitangan di Jabatan Sekolah Sekolah, para pegawai dan kakitangan

Oleh :
Hezlinawati Haji Abd. Karim

Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Daerah Temburong serta AJK PIGB Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi (SRSH) serta penduduk kampung.

Acara dimulakan dengan senamrobik dan seterusnya acara berjalan kaki memasuki Kampung Peliunan sejauh empat kilometer yang bermula dan berakhir di kawasan pekarangan Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi.

Sebahagian daripada kutipan itu juga katanya akan diagih-agihkan kepada murid-murid yang kurang berkemampuan di sekolah berkenaan bagi meringankan beban yang mereka alami.

Beberapa acara sampaian turut diadakan seperti Kuiz Hari Kebangsaan bagi menyentik semangat patriotik dalam kalangan para peserta.



SESI senamrobik memanaskan badan sebelum memulakan Walkaton Amal yang turut disertai oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Suhara Fadzali bin Haji Yusop. - Foto : Ihsan.

Tingkatkan kemahiran sukan bola jaring

Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 2 Mac. - Kursus Klinik Gol dan Permainan Tengah Bola Jaring yang dihadiri oleh guru-guru sekolah menengah, rendah dan pendidikan swasta berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta kursus pada majlis yang berlangsung di Sekolah Sukan Kampung Pulaiyah ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Ko-kurikulum, Kementerian Pendidikan, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar.

Antara matlamat kursus ialah untuk memberikan pengetahuan kepada guru-guru dan jurulatih bola jaring mengenai teknik dan kemahiran menjaring yang betul dan juga mengajarkan kemahiran-kemahiran dan strategi posisi pemain tengah selain menekankan kepentingan latihan-

latihan yang teratur dan berterusan serta mengetahui teknik, kemahiran dan strategi yang terkini.

Kursus yang dikhushuskan kepada guru-guru pendidikan jasmani dan jurulatih bola jaring di sekolah-sekolah menengah, sekolah rendah dan swasta yang berminat menyertai klinik ini dengan sasaran keramaian penyertaan kira-kira 80 orang.



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Ko-kurikulum, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar menyampaikan sijil kepada seorang guru yang mengikuti kursus berkenaan. - Foto : Haji Masmalem Haji Mohd. Ali.

Mohd. Arif juara Kejohanan Ping pong UBD-Seinenmaru

Oleh :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

TUNGKU LINK, 27 Februari 2012. - Mohd. Arif bin Selamat dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan mudah menumpaskan Mohd. Hafidz bin Haji Hassan juga dari UBD bagi Kategori Perseorangan Lelaki sebelum dinobatkan sebagai juara dalam Perlawanan Akhir Kejohanan Ping pong UBD-Seinenmaru 2012 berlangsung di Dewan Asrama Perempuan, UBD pada 25 Februari 2012.

Tempat ketiga diraih oleh bekas graduan UBD tahun 2011, Khairul Azmie bin Roslee dan Haji Muhammad bin Haji Yahya.

Manakala bagi Kategori Perseorangan Wanita pula, johan disandang oleh Amelia Koh dari UBD manakala tempat kedua dimenangi oleh peserta jemputan, Rosyati binti Haji Yahya dan tempat

ketiga diberikan kepada seorang peserta jemputan, Rosmuliati binti Haji Yahya dan mahasiswa UBD, Khairunnisa binti Haji Mohd. Said.

Johan Bergu Campur Tiga bagi lima orang sepasukan *novice* pula disandang oleh pasukan UBD PPC is Love dari UBD, naib johan diraih oleh pasukan CHMSA (pasukan jemputan) dan tempat ketiga diberikan kepada pasukan HBO dari UBD.

Manakala juara acara Ping pong Bergu Campur Tiga bagi lima orang sepasukan *premier* disandang oleh pasukan jemputan Bunut Perpindahan, naib juara dimenangi oleh pasukan Ice Cream Sandwich dari UBD dan pasukan Super Killer 2 (pasukan jemputan) meraih tempat ketiga.

Hadir menyaksikan

Event Management Services (SEMS).

Kali ini sebanyak 30 peratus daripada hasil yuran penyertaan akan disumbangkan kepada Tabung Badan Kebajikan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pada 24 dan 26 Februari lalu, pihak pengangur juga mengadakan beberapa

permainan seperti 'Fill in the Cup', 'Catch and Throw', 'Shooting Range' dan 'Guessing Game' yang dibuka kepada orang ramai bertujuan mengutip bagi menambah sumbangan yang akan diberikan seratus peratus kepada Tabung Badan Kebajikan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



DEKAN Pelajar Universiti Brunei Darussalam Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Dr. Haji Ramli bin Haji Tingkong hadir dalam perlawanan akhir Kejohanan Pingpong UBD - Seinenmaru 2012. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Prestasi pasukan sepak takraw

Oleh :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Februari. - Pasukan Sepak Takraw Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kini naik ke tangga kelima dunia selepas berada di tangga ke-9 pada tahun lepas.

Kedudukan tersebut diperolehi selepas menyertai Kejohanan Sepak Takraw Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) 'World Super Series' yang berlangsung pada 20 hingga 26 Februari 2012 di Palembang, Republik Indonesia.

Sebanyak 12 buah negara menyertai kejohanan tersebut yang mana pasukan negara telah berjaya menewaskan pasukan Jepun dan Singapura namun tewas kepada pasukan Korea Selatan.

Dengan peningkatan kedudukan pada ranking dunia tersebut secara langsung menggambarkan suatu peningkatan yang baik ke atas pasukan sepak takraw negara untuk terus maju.

Jangan Mudah Lupa



GAMBAR HIASAN ... Pelbagai subsidi kerajaan berikan yang perlu disyukuri seperti subsidi beras dan minyak petrol (atas dan bawah).

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

WARGA Perkhidmatan Awam setentunya menghargai dan mensyukuri lagi rahmat dan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala kerana pelbagai kemudahan dan keistimewaan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana sumbangan mereka ini sangat berharga dan istimewa sebagai jentera penggerak untuk mencapai Wawasan Negara 2035 dan hasrat negara.

Menteri Kewangan Kedua, di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman menegaskan, di samping itu ianya juga sebagai usaha ingat-ingat supaya kita jangan sampai mudah lupa akan apa yang telah dihulurkan oleh kerajaan sebagai majikan dan yang kita terima sebagai pekerja selama ini.

Kerana seperkara yang kita selalu terlepas pandang ataupun *overlooked* bahawa berbanding dengan negara-negara lain, gaji yang kita terima di negara ini adalah apa yang dinamakan

take home pay yang seratus peratus tidak dikenakan cukai pendapatan.

Yang Berhormat menjelaskan persoalan yang diajukan oleh salah seorang Ahli Yang Dilantik pada Sidang Permesyuaratan Musim Pertama Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Kelapan baru-baru ini berhubung dengan adakah sudah dalam perancangan kerajaan untuk mengkaji semula tanggagaji pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

Yang Berhormat menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia semenjak tahun 1984. Yang melibatkan pelbagai kenaikan pemberian Elaun Khas pada tahun 1988 dan seterusnya kenaikan Elaun Khas pada tahun 1991. Ini diikuti dengan Elaun Sara Hidup bagi Perkhidmatan Awam, memperkenalkan EB Khas tertakluk syarat-syarat tertentu yang membolehkan kenaikan gaji tahunan setelah tiga tahun menerima gaji pokok dalam mata gaji terakhir. Pada tahun 2006, kerajaan melaksanakan pemberian kenaikan gaji khas ataupun *accelerated increment*.

Di samping itu, katanya, ianya



GAMBAR HIASAN ... Pengurniaan tambang haji bagi warga awam yang berkhidmat selama 12 tahun.



PENYAMPAI Radio, Dayang Salmi binti Haji Ibrahim, "Berbelanja biar berhemah dan mensyukuri apa yang dianugerahkan."

PENGIRIAN Junaidi bin Pengiran Haji Bakar, mensyukuri apa yang dianugerahkan.

sebagai iktibar dan renungan kita bersama sebagai seorang warga Perkhidmatan Awam di negara ini bukan saja berbanding dengan negara-negara lain, bahkan juga pihak swasta di negara ini yang mana *entry point* gaji yang ditawarkan secara amnya adalah lebih rendah daripada pihak kerajaan.

Dalam hubungan ini, tegas Yang Berhormat, kerajaan memang sentiasa peka terhadap keperluan yang melibatkan kesejahteraan

rakyat dan penduduk negara ini. Walau bagaimanapun, dalam apa jua keadaan kerajaan perlu mengambil pendekatan holistik ataupun makro dalam menimbangkan perkara-perkara seperti ini yang antara lainnya termasuklah :

* Kepentingan mewujudkan iklim pekerjaan yang kondusif di sektor swasta bagi menarik dan mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan di sektor berkenna-

* Perkara ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk membantu mengembangkan sektor swasta dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara, di samping untuk menjana lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor tersebut.

* Keupayaan kewangan bagi membiayai perbelanjaan berkenaan dalam jangka masa panjang secara berterusan.

* Kepentingan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan negara dari segi ekonomi dan sosial. Ini memandangkan gaji kakitangan bagi jawatan tetap yang berjumlah sebanyak 63,452 jawatan pada masa ini sudah pun melimpah sebanyak BND1.8 billion, manakala bagi pekerja bergaji hari yang berjumlah 11,508 orang telah pun mencapai kira-kira BND100 juta atau BND0.1 billion.

* Sebagai contoh, ini bermakna jika kerajaan mengambil keputusan untuk menaikkan gaji kakitangan Perkhidmatan Awam antara 10 peratus ke 15 peratus, kerajaan perlu menyediakan peruntukan tambahan antara BND200 juta ke BND280 juta setahun bagi menampung perbelanjaan ini.

* Pencapaian ekonomi negara secara keseluruhan.

MENYAMBUT BAIK

Beberapa orang yang ditemui iaitu Ketua Pengurusan Projek Bandaran, Bandar Seri Begawan, Pengiran Junaidi bin Pengiran Haji Bakar dan Penyampai Radio, Dayang Salmi bin Haji Ibrahim menyambut baik jawapan penjelasan oleh Yang Berhormat mengenai Menteri Kewangan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam melaksanakan pemberian kebaikan gaji dan elauan-elauan khas.

Kerajaan telah membelanjakan bukan lagi jutaan ringgit, malahan berbilion-bilion ringgit. Perbelanjaan besar yang dikeluarkan oleh kerajaan sepaututnya kita hargai atas ihsan kerajaan yang pemurah dan yang berterusan memberikan subsidi kepada rakyat jelata. Kata pepatah *ukur baju di badan sendiri*, bijak dan berhemah dalam berbelanja dan bijak menggunakan subsidi yang dihulurkan kerajaan.

Kita harus bersyukur dengan kemudahan-kemudahan Elaun Pelajaran, Pengurniaan Tambang Haji, Kemudahan pinjaman rumah dan pembelian kenderaan. Menyewa rumah-rumah persendirian untuk pegawai dan perkhidmatan awam mengikut kelayakan, *subsidized* kesihatan, pendidikan percuma kadar bayaran elektrik dan air yang masih rendah, harga minyak dan skim perumahan

Apa yang terjadi, ramainya orang kitani yang membazir dan menyalahgunakan subsidi yang diberikan. Ini sesuatu yang mendukacitakan walhal dalam jangka masa panjang kerajaan menanggung kerugian yang besar. Perkara sedemikian tidak patut wujud dalam masyarakat kita yang terbilang dengan masyarakat yang pandai mengenang budi.

Mandi-mandi Sunat dan Permasalahannya

10. MANDI sunat kerana hendak mengerjakan iktikaf di masjid.

11. Mandi sunat kerana hendak memasuki masjid.

12. Mandi sunat kerana hendak melaungkan azan.

13. Mandi pada setiap malam di bulan Ramadhan.

Mandi ini sunat dilakukan tidak kira sama ada orang tersebut hendak menghadiri sembahyang jemaah pada malam-malam tersebut ataupun tidak. Ini kerana mandi sunat ini disyariatkan kerana kemuliaan bulan Ramadhan, dan bukannya atas sebab menghadiri sembahyang jemaah atau sebab-sebab yang lain.

Mandi sunat ini bermula waktunya dengan terbenamnya matahari dan berakhir dengan terbitnya fajar di sepanjang bulan Ramadhan.

14. Mandi setiap kali hendak menghadiri sembahyang jemaah, sama ada siang ataupun malam, walaupun bukan di bulan Ramadhan.

15. Mandi sunat selepas mencukur rambut kepala.

16. Mandi sunat selepas membuang atau mencukur bulu ari-ari.


17. Mandi sunat selepas mencabut bulu ketiak.

18. Mandi sunat selepas memotong misai.

19. Mandi sunat bagi perempuan yang baru tamat 'iddah.

20. Mandi sunat bagi kanak-kanak yang baru

JIKA seseorang telah pun mandi sunat kerana suatu sebab, misalnya kerana hari raya, lalu berlaku lagi selepas itu satu perkara yang dituntut ke atasnya untuk mandi sunat, umpamanya kerana hendak menghadiri sembahyang Jumaat, maka tuntutan mandi sunat kerana hendak menghadiri sembahyang Jumaat itu tidak gugur, bahkan sunat baginya mandi lagi sekali kerana perkara-perkara yang baru berlaku itu.



BILANGAN 409

BAHAGIAN AKHIR

baligh. Maka bagi kanak-kanak yang baru baligh itu dituntut daripadanya dua jenis mandi, iaitu mandi wajib (mandi junub) dan mandi sunat.

21. Mandi sunat selepas berbekam.

22. Mandi sunat kerana hendak menghadiri perkumpulan-perkumpulan yang berkebaikan ataupun perkumpulan-perkumpulan yang harus (tidak menyalahi syara'). Dalam hal ini, menurut Imam Abu Abdillah az-Zubaidi Rahimahullah, disunatkan juga untuk memakai harum-haruman.

Akan tetapi jika perkumpulan tersebut lebih menjurus ke arah kemaksiatan, maka tidak disunatkan mandi padanya.

Permasalahan-Permasalahan Mandi Sunat :

1. Kaifiat yang paling afodal dalam mengerjakan mandi sunat ialah dengan mengerjakannya seperti mana kaifiat mengerjakan mandi wajib.

2. Disunatkan berwudhu sebelum memulakan mandi-mandi sunat seperti mana ianya disunatkan dalam mandi-mandi wajib, dan disunatkan juga untuk mendirikan sembahyang

sunat dua rakaat setelah selesai menyempurnakan mandi-mandi sunat wajib tersebut.

3. Secara umumnya, mandi-mandi sunat itu hendaklah diniatkan atas sebab atau perkara ianya dikerjakan. Misalnya diniatkan mandi yang dikerjakan itu ialah mandi sunat sembahyang Jumaat atau mandi sunat kerana memeluk ugama Islam atau mandi sunat kerana berbekam dan sebagainya.

Bagaimanapun, dikecualikan dalam perkara ini niat mandi sunat kerana baru sedar atau sembah daripada pitam, pengsan, gila ataupun mabuk. Para ulama berpendapat bahawa mandi-mandi sunat yang disyariatkan kerana baru sedar atau sembah daripada pitam, pengsan, gila ataupun mabuk ini, jika orang itu sudah baligh, maka hendaklah ianya diniatkan kerana junub (mengangkat hadas besar), dan tidak sah jika ianya diniatkan kerana baru sedar atau sembah daripada pitam, pengsan, gila ataupun mabuk semata-mata. Ini kerana mandi sunat ini disyariatkan sebagai langkah berjaga-jaga kemungkinan adanya berlaku inzal ataupun persetubuhan dalam jangka masa dia pitam, pengsan, gila ataupun mabuk itu.

Akan tetapi, jika dia pitam, pengsan, gila ataupun mabuk sebelum baligh, lalu sedar atau sembah sebelum baligh, maka memadai mandi sunat ini diniatkan kerana sebab-sebabnya (kerana baru sedar atau sembah daripada pitam, pengsan, gila atau mabuk) seperti mana mandi-mandi sunat yang lainnya.

4. Menurut Imam an-Nawawi dan Imam asy-Syarbini Rahimahumullah, barang siapa yang menyatakan mandi wajib dan mandi sunat dalam satu masa, umpamanya dia berniat mandi junub bersama-sama dengan mandi sunat hari raya, maka sah dan diterima kedua-dua mandi tersebut.

5. Jika dituntut daripada seseorang beberapa mandi sunat dalam satu masa, maka hal ini telah dijelaskan oleh Imam al-Bujairimi Rahimahullah, katanya: "Bahkan jika dituntut mandi-mandi sunat itu (dalam satu masa), umpamanya mandi hari raya, mandi sunat sembahyang Gerhana, mandi sunat sembahyang Istisqa' dan mandi sunat sembahyang Jumaat, lalu dia berniat dengan salah satu daripada mandi-mandi sunat tersebut, maka dia akan memperolehi (pahala) kesemua mandi-mandi sunat yang dituntut daripadanya itu tadi kerana kedudukannya yang sama (semuanya adalah sunat), dan begitulah juga

halnya bagi mandi-mandi wajib".

6. Jika seseorang telah pun mandi sunat kerana suatu sebab, misalnya kerana hari raya, lalu berlaku lagi selepas itu satu perkara yang dituntut ke atasnya untuk mandi sunat, umpamanya kerana hendak menghadiri sembahyang Jumaat, maka tuntutan mandi sunat kerana hendak menghadiri sembahyang Jumaat itu tidak gugur, bahkan sunat baginya mandi lagi sekali kerana perkara-perkara yang baru berlaku itu.

7. Sunat dan lebih utama bagi seorang yang sedang berpuasa meninggalkan mandi sunat jika dikehutiari ianya boleh membatalkan puasa.

8. Jika terdapat keuzuran syari'e untuk menggunakan air, umpamanya kerana sakit atau kerana ketiadaan air, maka disunatkan untuk menggantikannya dengan bertayammum, dengan meniatkan bahawa tayammum itu adalah sebagai ganti mandi sunat yang hendak dikerjakan itu.

9. Jika seseorang terluput mandi sunat, maka tidak perlu ianya diqadha kerana waktu dan sebabnya telah lupa, seperti mana yang telah difatwakan oleh Imam as-Subki Rahimahullah.

Demikianlah beberapa huraian secara ringkas mengenai mandi-mandi yang disunatkan dalam Islam. Sesungguhnya nikmat dan rahmat Allah Subhaanahu wa Ta'alaa itu tidak termilai dan tidak terbatas, sehingga amalan yang sangat mudah seperti mandi ini pun dijadikanNya satu bentuk ibadah yang mendatangkan pahala. Bukan saja mudah dan mendatangkan pahala, bahkan ibadah mandi sunat ini turut mendatangkan bermacam-macam manfaat bagi orang yang mengerjakannya. Maka janganlah ia dipandang ringan atau diambil mudah. Rebutlah peluang yang terbuka luas ini untuk menambah bekalan pahala dan amalan kita, agar ianya menjadi bekalan yang akan mengangkat derajat kita di hari yang tiada naungan di dalamnya melainkan naungan Allah Subhaanahu wa Ta'alaa. Sheikh 'Ali al-Khawwas Rahimahullah, seorang ahli sufi yang hidup sekitar kurun ke sepuluh berkata: "Sesungguhnya pada tiap satu amalan sunat itu satu darjah atau kemuliaan di syurga, maka tidak akan beroleh darjah atau kemuliaan ini kecuali oleh orang yang mengamalkan amalan sunat tersebut".

WALLAHU 'ALAM

Tidak masuk Syurga selagi hutang tidak dibayar

SEBAIK-BAIKNYA cubalah elakkan diri daripada berhutang. Namun apabila keadaan terlalu mendesak dan tiada jalan lain untuk memperoleh wang, maka di sinilah Islam membenarkan amalan berhutang. Tapi Islam melarang keras umatnya berhutang di luar kemampuan sehingga boleh membebankan diri sendiri apabila hendak membayarnya.

Perlu diingatkan, bahawa berhutang memanglah senang tetapi membayarnya sangatlah susah, bebanan bakal diterima si penghutang adalah berat, terutama jika hutang tidak dibayar. Lebih berat jika dia meninggal dunia dalam keadaan hutang tidak dilangsungkan.

Malangnya segelintir masyarakat pada hari ini suka berhutang tetapi tidak mengambil berat mengenai pembayaran balik hutang. Jika budaya berhutang seperti ini diamalkan ianya akan menjadi satu penyakit dalam kehidupan manusia yang boleh mendatangkan kesan negatif dan menyusahkan bukan sahaja pada diri penghutang itu sendiri malah juga kepada orang yang memberi hutang. Budaya hutang juga merupakan salah satu satu punca utama krisis ekonomi negara.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri tidak menyukai orang yang berhutang. Ini kerana pada pandang Islam berhutang itu merupakan kesusahan di malam hari dan penghinaan di siang hari.

Pernah terjadi suatu peristiwa yang mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam enggan



menyembahyangkan jenazah apabila Baginda mengetahui orang yang meninggal itu masih mempunyai tanggungan hutang. Tindakan Baginda itu jelas menunjukkan Baginda tidak menyukai orang-orang yang berhutang.

Jika terpaksa berhutang sekalipun hendaklah ia berazam dan berniat untuk membayar hutangnya segera. Adalah berdosa besar bagi orang yang sengaja tidak membayar hutang. Sesiapa yang berhutang tetapi enggan membayar hutangnya atau melengah-lengahkan untuk membayar hutang setelah berkemampuan untuk membayarnya, mereka itu adalah tergolong orang-orang yang makan harta milik orang lain. Sesungguhnya mereka itu telah melakukan kebahtalan di dalam agama dan melakukan dosa yang nyata sebagaimana firman Allah Subhanahu WaTa'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 188 yang tafsir-Nya:

"Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang bathil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa, padahal

kamu mengetahui salahnya."

Hakikatnya berhutang itu dibenarkan oleh Islam, manakala membayar balik hutang itu adalah wajib. Kewajipan membayar hutang ada ditegaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Barang siapa yang mengambil harta orang lain (berhutang) dengan hasrat membayarnya nescaya Allah akan menunaikan hasratnya dan barang siapa berhutang dengan hasrat untuk tidak membayarnya balik nescaya Allah membinasakan harta tersebut."

Tanggungjawab membayar hutang jelas terpikul di bahu orang yang berhutang. Kewajipan membayar hutang itu tidak akan terlepas sekalipun dengan melaksanakan ibadat-ibadat yang besar pahalanya sebagaimana dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim, daripada Abdullah bin Amru bin Al-Ash, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Diampunkan semua dosa bagi yang mati syahid kecuali jika ia mempunyai hutang (kepada manusia)."

Daripada hadis di atas jelas mengingatkan kita walaupun sebanyak manapun amalan kebaikan yang dilakukan, jika kita tidak menjelaskan segala hutang, ia tidak akan selamat di dunia dan di Akhirat sekalipun dia mati syahid.

Orang yang berhutang akan terikat hidupnya di dunia dengan amanah membayar balik hutangnya maka itu dia mesti melunaskan hutangnya semasa hidupnya kerana jika orang yang berhutang itu meninggalkan dunia dan tidak sempat melunaskan hutangnya ianya akan menjadi sebab menderitanya roh. Roh seseorang akan tergantung selagi hutangnya belum dijelaskan sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Roh seseorang mukmin yang meninggal itu akan tergantung kerana hutangnya, sehingga hutang tersebut dibayar."

Hadir di atas menjelaskan bahawa betapa beratnya tuntutan Islam dalam kewajipan membayar hutang. Oleh itu sebaik-baiknya seseorang muslim yang berhutang hendaklah berikhtiar dan berusaha membayar hutang yang dipinjamnya kerana hutang itu wajib dibayar. Tindakan menunda atau melewatkkan pembayaran hutang dilarang kerana itu satu kezaliman. Cuba elakkan daripada mengambil kesempatan melambat-lambatkan pembayaran hutang kerana ia bukan sahaja menyusahkan diri sendiri dan juga kepada orang yang memberi hutang, malah hutang juga merupakan salah satu satu punca utama krisis ekonomi negara.

Bengkel Total Hip Arthroplasty tingkat pengetahuan mengenai penyakit Osteoarthritis

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Mac. -

Bengkel Total Hip Arthroplasty adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai penyakit Osteoarthritis (OA) yang mana lebih memfokuskan kepada pesakit-pesakit muda yang menghadapi penyakit tersebut.

Sehubungan dengan itu Majlis Pembukaan Bengkel berkenaan di Bilik Kuliah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS) dan hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md. Said.

Pada majlis tersebut,

Berita dan Foto :
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

satu taklimat bertajuk 'Past, Present and Future of Total Hip Replacement in Brunei Darussalam' turut disampaikan oleh Pegawai Perubatan Kanan, Jabatan Orthopedic Hospital RIPAS, Awang Haji Abdul Rashid bin Dr. Haji Mohammad.

Ini diikuti dengan taklimat mengenai Jabatan Orthopedic di Tohoku University School of Medicine, Sendai, Japan oleh pakar undangan dari Jepun iaitu Ketua Unit Hip Arthroplasty Tohoku University School of Medicine, Profesor

Norikazu Yamada.

Juga hadir dalam Majlis Pembukaan Bengkel itu ialah pegawai-pegawai kanan dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Bengkel Total Hip Arthroplasty yang diadakan selama lima sehingga 8 Mac 2012 akan disertai oleh pakar-pakar, pegawai-pegawai perubatan dan kakitangan Jabatan Orthopedic Hospital RIPAS dan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Dua orang pakar bedah yang diundang dari negara

Jepun iaitu Profesor Norikazu Yamada dan Ahli Fakulti University School of Medicine, Dr. Daisuke Chiba akan menjadi fasilitator sepanjang bengkel tersebut dan akan mengongsikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka.

Penyakit Osteoarthritis adalah satu penyakit sendi yang mana ianya terjadi dengan *wear and tear* dari semasa ke semasa dan menyebabkan kesakitan kepada individu yang menghadapinya.

Dalam pada itu, seramai tujuh orang pesakit telah berpeluang untuk menjalani pembedahan Total Hip Arthroplasty seperti yang telah dijadualkan.



KETUA Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md. Said hadir mendengar taklimat bertajuk 'Past, Present and Future of Total Hip Replacement in Brunei Darussalam'.

Hari Keluarga bersama Jabatan Perkhidmatan Kesihatan

Oleh :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

JERUDONG, Ahad, 4 Mac. - Bersama Ke Arah Warga Sihat - Hari Bersama Keluarga' merupakan tema Hari Keluarga yang diadakan oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan melalui Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi anjuran bersama oleh Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan, Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah Kampung Sungai Asam, Klinik Kesihatan Kiarong serta Klinik Kesihatan Sungai Kebun.

Hari

Keluarga yang dihadiri oleh Ketua Pentadbiran Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Asasi.

Tujuan Hari Bersama Keluarga bagi kakitangan pusat-pusat kesihatan di Daerah Brunei dan Muara diadakan adalah untuk bermuzakarah serta mengratkan lagi hubungan antara pegawai-pegawai dan kakitangan pusat-pusat serta klinik-klinik kesihatan dan juga keluarga mereka, di samping beriadah dan mempromosikan gaya hidup sihat.

Hari Bersama Keluarga yang diadakan di Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar di sini adalah julung-julung kalinya diadakan dan merupakan sebahagian daripada inisiatif Bahagian Sosial dan Kebajikan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Ianya juga bertujuan untuk membentuk semangat perpaduan dan semangat

berkumpulan antara pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan.

Antara atur cara yang diadakan ialah sesi senam-robik dengan dibantu oleh *fitness instructor* dari Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, sesi mendaki bukit dan perlawanan permainan bagi orang dewasa dan kanak-kanak serta peraduan melukis dan cabutan tiket bertuah.

Diharapkan acara seumpamanya akan menjadi acara tahunan bagi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi, di samping program-program yang lain yang telah diatur bagi tahun ini.



KETUA Pentadbiran Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi, Dr. Haji Azlan bin Haji Jeludin melakukan senaman pada Hari Bersama Keluarga. - Foto : Hatral Hazmi Abdul Hamid.

Kempen Bantuan Derma Darah dapat sambutan

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Sabtu, 3 Mac. - Hampir 300 orang mengunjungi Dewan Persidangan, Jabatan Bandaran bagi menyertai Kempen Bantuan Derma Darah Beramai-Ramai Kali Ke-24 bagi Daerah Belait.

Para penderma terdiri daripada warga Perkhidmatan Awam, syarikat swasta, penuntut sekolah-sekolah menengah dan maktab, persatuan belia dan badan kebajikan serta masyarakat dan penduduk Daerah Belait.

Penyertaan tahun ini meningkat dari tahun lalu yang cuma menerima seramai 216 orang pen-

derma. Kempen dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan, cawangan Daerah Belait dengan kerjasama Unit Perkhidmatan Tabung Darah, Hospital Suri Seri Begawan (SSB) dan Persatuan Sutera Kampung Sungai Teraban.

Pelancaran kempen telah dirasmikan oleh tetamu kehormat, Pengurus Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ishak bin Haji Abu Hanifah.

Kempen sempena

lamatkan nyawa pesakit yang memerlukan darah.

Pada kempen tersebut, tetamu kehormat juga menyampaikan cenderahati dan sijil penghargaan kepada penyertaan terbaik. Bagi Kategori Jabatan-Jabatan Kerajaan disandang oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kuala Belait, sementara Kategori Syarikat Swasta diraih oleh Syarikat SKS Wood Sendirian Berhad.

Manakala Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah meraih bagi Kategori Sekolah Menengah dan Maktab, sementara Persatuan Sutera meraih Kategori Persatuan Belia dan Badan Kebajikan.



PENGURUSI Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ishak bin Haji Abu Hanifah berinteraksi bersama seorang penderma yang menyertai kempen tersebut.

Walkaton Amal Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-28 diadakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Mac. - Walkaton Amal Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-28 anjuran bersama Majlis-Majlis Perundungan Kampung Bunut, Kampung Tasek Meradun, Kampung Madewa, Telanai, Sungai Ketam dan Ikatan Persatuan Belia Bunut berlangsung di Taman Rekreasi Damuan, di sini.

Walkton ini merupakan projek tahunan dan ini adalah merupakan kali ketiga berturut-turut diadakan dan ia bermula dari persiaran Damuan sejauh empat kilometer dan berakhir di Masjid Kampung Bunut.

Majlis dimulakan dengan sesi senamrolik dan diselajurkan dengan Walkton Amal yang dilepaskan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu.

Sejurus walkton tamat, Upacara Perasmian Jualan Cupcake Peta Negara Brunei Darussalam yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof merasmikan jualan cupcake sebanyak 1,500 biji peta Negara Brunei Darussalam. - Foto : Masri Osman.

yang sihat dengan membuat aktiviti beriadah.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sangat mengalu-alukan inisiatif melalui acara amal seperti ini untuk memupuk semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan penduduk kampung pada peringkat akar umbi, di samping untuk meningkatkan usaha sosio-ekonomi kampung.

TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof merasmikan jualan cupcake sebanyak 1,500 biji peta Negara Brunei Darussalam. - Foto : Masri Osman.



PESURUJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu hadir pada Karnival dan Jualan Amal. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Bincangkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-66

TUTONG. - Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-66 Bagi Daerah Tutong 2012 telah diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasya-

katan Daerah Tutong pada 29 Februari 2012. Mesyuarat yang diperlakukan pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhamad Suffian bin Haji Bungsu

sebut, Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu yang seterusnya merasmikan acara tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara ter-

Karnival dan Jualan Amal tersebut antara lain

bertujuan untuk mengeratkan kesepadan dalam kalangan peringkat pegawai, anggota dan keluarga masing-masing yang terdiri daripada Cawangan Polis Marin, Balai Polis Daerah Temburong dan Unit Polis Simpanan 'C'.

Aktiviti ini juga menyelitkan kesempatan menjayakan kerja-kerja amal bagi ahli-ahli cawangan melalui aktiviti berjaya dalam acara jualan amal.

Hasrat utama acara jualan amal adalah bagi mengutip sejumlah dana untuk disumbangkan kepada Tabung Anak-Anak Yatim PDB.

Karnival dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula pukul 10.30 pagi hingga 4.00 petang.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis serta pegawai-pegawai kanan PDB.



MESYUARAT Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-66 Bagi Daerah Tutong 2012 yang dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhamad Suffian bin Haji Bungsu.

Beliau menyeru bagi semua jawatankuasa yang dibentuk akan dapat mencurahkan bakti dengan penuh keikhlasan dan berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan kejayaan acara-acara perayaan yang akan dikendalikan nanti.

"Apa yang penting ialah upacara keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dapat diraikan dengan sempurnanya menjadikan sambutan perayaan tersebut sebagai upacara yang gemilang,

penuh beristiadat dan bertatasila serta bertataterib sehingga ianya menjadi ristaan yang baik bagi Daerah Tutong," ujarnya.

Berkat semangat yang tinggi, kesepakatan, kemufakatan dan perpaduan yang diberikan oleh semua jawatankuasa tertinggi dan jawatankuasa kerja yang akan dibentuk pada tahun ini akan dapat disusun dan dilaksanakan dengan lebih sempurna dan teratur.

Antara agenda mesyuarat tersebut ialah membincangkan cadangan tempat

dan format keberangkatan Kebawah DYMM ke Daerah Tutong pada bulan Julai nanti.

Antara lain tujuan mesyuarat tersebut adalah untuk melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tinggi dan Pengerusi-Pengerusi Acara Keraian Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66 Bagi Daerah Tutong Tahun Haji Lahit; Penolong Pe-

Berita dan Foto :
Aryenty Haji Ariffin

Kebawah DYMM Ke-66 Bagi Daerah Tutong 2012.

Hadir sama pada mesyuarat berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit; Penolong Pe-

mangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haizul Rizal bin Haji Yahya, pegawai-pegawai kanan jabatan cawangan Daerah Tutong dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tinggi dan Pengerusi-Pengerusi Acara Keraian Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66 Bagi Daerah Tutong Tahun 2012.

SEMUA jawatankuasa yang dibentuk akan dapat mencurahkan bakti dengan penuh keikhlasan dan berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan kejayaan acara-acara perayaan yang akan dikendalikan nanti.

- Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhamad Suffian bin Haji Bungsu.



IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A)
DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT)
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

TARIKH IKLAN: 7 MAC 2012. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 21 MAC 2012. BILANGAN IKLAN: 10/03/12 (SPA/BIKL)

PERATURAN 7 (a)

Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian Ugama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di negara ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**1. PENOLONG PEGAWAI PERBEKALAN
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=3**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Pembelian dan Pembekalan / Pengajian Perniagaan / Pentadbiran / Pengurusan Perakuan / Perakuan atau dalam bidang bersesuaian.
ATAU
b) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penyelanggara Stor Tingkat Khas dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun telah ditetapkan dalam jawatan.

**2. PENYIAR BERITA
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 2**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.
ATAU
b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Penyiar Berita dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun.
ATAU
c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun.
- Lulus dalam ujian kelayakan (*audition*) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.
- Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

**3. PENOLONG PEGAWAI PERHUBUNGAN
AWAM TINGKAT II
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman dalam bidang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.
ATAU
b) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- Mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta lulus dengan kepujian/kredit dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.
- Berkemahiran dalam menggunakan teknologi maklumat (IT) dan komputer.
- Berkebolehan dalam menghadapi orang ramai termasuk wartawan dan media massa.
- Mempunyai perwatakan, kualiti dan kaliber yang bersesuaian.
- Fasih bertutur dalam bahasa lain adalah kelebihan.

**4. JURUTULIS JAWI
JABATAN PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.
ATAU
b) Sedang berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam Jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun.
ATAU
c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun.
- Berkemahiran dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam penulisan seni khat jawi adalah keutamaan.

**5. JURUTEKNIK PELAJARAN KESIHATAN
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Promosi dan/atau Pendidikan Kesihatan/ Public Health Nutrition/ Spot Science/Exercise Physiology/ Communication/ Marketing/ Social Marketing/ Epidemiology/ Research methodology/ Statistic/ Programme Planning / Management/ Art & Design/ Computer Graphic/ Science Computer/ Psychology/ Sociology atau Health Economic atau bidang Sains yang sebanding dan bersesuaian.
ATAU
b) Sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun.
ATAU
c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun.
- Mempunyai kelulusan / pengalaman dalam bidang latihan jasmani atau yang seumpamanya adalah kelebihan.

**6. GURU
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.2 (\$1,050 - \$2,165 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 63**

KELAYAKAN MINIMUM:

- Diploma Pendidikan / Sijil atau Diploma Peguruan dalam bidang bersesuaian.

**7. TUKANG ELEKTRIK (KENDERAAN)
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN
TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3)/ BDTVEC National Vocational Certificate atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
ATAU
b) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan yang sebanding.
ATAU
c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan kerja-kerja pemasangan elektrik dan membaiki peralatan elektrik (Kenderaan) dalam tanggagaji F.4/F.3 tidak kurang dari 3 tahun atau tanggagaji F.2/F.1 tidak dari 5 tahun.
- Mempunyai pengalaman yang terbukti dalam kerja-kerja pemasangan elektrik dan membaiki peralatan elektrik (kenderaan) adalah keutamaan.
- Pemohon-pemohon yang disenarai-pendekkan adalah

dikehendaki untuk menjalani satu ujian kemahiran praktikal.

**BAGI BILANGAN 1 HINGGA 7;
TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN
KAUNTER PERMOHONAN TINGKAT 2
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961/2381337 (BHG. PENGAMBILAN);
TEL NO: 2381961/2383455 (BHG. IKLAN)**

PEMBERITAHUAN:

- Semua permohonan adalah melalui pengisian borang SPA1 atau SPA2 kecuali dimaklumkan sebaliknya.
- Bagi iklan jawatan **bilangan 1 hingga 7** isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1 atau SPA2.
- Borang SPA1 dan SPA2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan **bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah**.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
- Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-
 - Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
 - Rekod Perkhidmatan** yang lengkap.
- Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.
- 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut**.
- Permojonan yang diterima lewat daripada **21 MAC 2012 tidak dilayan**.
- Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;
 - Menelefon 2381961 Sambungan 588 /573 atau 2381337 (Bahagian Pengambilan);
 - Menelefon 2381961 Sambungan 530/537 atau 2383455 (Bahagian Iklan);
 - Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
 - Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu <http://www.spa.gov.bn/>
- Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-
 - Pejabat Daerah Belait;
 - Pejabat Daerah Temburong;
 - Pejabat Daerah Tutong;
 - Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-PEMOHON terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

JAWATAN : KERANI
TANGGAGAJI : D.1-2-3 EB.4-5
KEKOSONGAN : 2 ORANG

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

a. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

b. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.

c. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

d. i. Mempunyai empat (4) kredit mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Pejabat dalam tanggagaji E.1-2-3 EB.4 selama tidak kurang dari tiga (3) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

e. Bagi calon di perenggan d.ii.,

i) Telah lulus Peperiksaan Kerani Rendah bagi penetapan jawatan.

ii) Sekurang-kurangnya telah mengikuti kursus-kursus Induksi dan Profesional bagi Pembantu Pejabat yang dikendalikan Institut Perkhidmatan Awam.

f. Berkebolehan dalam menggunakan komputer adalah merupakan satu kelebihan.

g. Pegawai yang sedang berkhidmat dengan

Kerajaan mestilah mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

a. Menaip persuratan termasuk penyemakan (*proof reading*), sistem failng dan susulan.

b. Tertakluk kepada fungsi Jabatan/Bahagian/Unit, tanggungjawab juga termasuk pengurusan kewangan, memproses permohonan dan pentadbiran pejabat.

c. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang disenaraikan oleh Kementerian / Jabatan di dalamuraian tugasnya (*Job Description*).

d. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang diarahkan pegawai atasan dari masa ke semasa.

MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN

Borang P3 serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang permohonan yang telah diisikan dengan lengkap beserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan tidak lewat pada hari Khamis, 5 April 2012 ke alamat berikut:

**PENDAFTAR & SETIAUSAHA
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK,
GADONG BE1410,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
(UP: BAHAGIAN PENTADBIRAN)**

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut **satu Laporan Sulit dan Prestasi bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya SANGAT BAIK)** serta satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Hanya pemohon-pemohon yang **disenaraikan pendek (shortlisted)** sahaja akan dihubungi bagi urusan temuduga.

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-PEMOHON terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

**JAWATAN : PENOLONG
KERANI SULIT**
TANGGAGAJI : D.3 EB.4-5
KEKOSONGAN : 1 ORANG

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

a. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

b. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.

c. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

d. Mempunyai kelulusan BDTVEC National Diploma in Secretarial Studies yang dikeluarkan oleh Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ATAU

e. i. Lulus sekurang-kurangnya empat (4) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya yang mana salah satu daripadanya ialah mata pelajaran Bahasa Melayu yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pemohon yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris Sijil Am Pelajaran adalah diberi keutamaan.

DAN

ii. Mempunyai Sijil Trengkas dengan

kepentasan 80 p.s.m. dan Sijil Menaip dengan kepentasan 40 p.s.m. yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau mempunyai Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat Menengah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei dan lain-lain Lembaga Peperiksaan.

ATAU

f. i. Lulus satu (1) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian IV selama tidak kurang dari tiga (3) tahun.

DAN

ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian IV selama kurang dari tiga (3) tahun.

DAN

iii. Mempunyai Sijil Trengkas dengan kepentasan 80 p.s.m. dan Sijil Menaip dengan kepentasan 40 p.s.m. yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau mempunyai Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat Menengah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei dan lain-lain Lembaga Peperiksaan.

g. Kebolehan mencatat trengkas dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

h. Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan mestilah mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan.

MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN

Borang P3 serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam.


AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)

ACTS as the central bank of Brunei Darussalam with the main responsibilities of formulating and implementing monetary policies, the supervision of financial institutions and currency management

AMBD is pleased to invite suitably qualified applicants to apply for the following positions:

1. ASSISTANT MANAGING DIRECTOR POSITIONS [E3]

REGULATORY DEPARTMENT, CORPORATE SERVICES & DEVELOPMENT DEPARTMENT AND MONETARY POLICY AND MANAGEMENT DEPARTMENT

2. HEAD OF INTERNAL AUDIT [M1]
3. EXECUTIVE DIRECTOR POSITIONS [M1]

ECONOMIC AND INTERNATIONAL DIVISION & MONETARY MANAGEMENT DIVISION

4. PRINCIPAL SYARIAH ADVISOR [M2/M1]
5. SENIOR MANAGER POSITIONS OR EQUIVALENT [M3]

INTERNAL AUDIT UNIT, FINANCIAL INTELLIGENCE AND ENFORCEMENT UNIT AND ISLAMIC ADVISORY UNIT

6. MANAGER POSITIONS [M4]

ADMINISTRATION UNIT AND CREDIT BUREAU UNIT

7. MANAGER TRAINEE POSITIONS [M4]

MONETARY POLICY AND MANAGEMENT DEPARTMENT, REGULATORY DEPARTMENT, MONETARY OPERATIONS DEPARTMENTS AND CORPORATE SERVICES AND DEVELOPMENT DEPARTMENTS

8. ASSISTANT OFFICER POSITIONS [S1]

CREDIT BUREAU UNIT AND FINANCIAL INTELLIGENCE AND ENFORCEMENT UNIT

Please visit www.ambd.gov.bn for further information on the vacancies

GENERAL REQUIREMENTS

- Must be citizens of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Darussalam.

- Ambitious and can perform competently with minimum supervision, able to work independently and as a team and can work well under pressure to meet short deadlines.

- Strong analytical skills with excellent data gathering coupled with high capability in report writing.

- Must possess good degree qualifications or higher from universities and institutions accredited by the Ministry of Education, Brunei Darussalam in Accounting, Finance, Banking, Economics, Actuarial Science, Islamic Banking and Finance, Business Administration, Investment, Law, Mathematics or any other related fields. Having relevant professional qualification is an advantage.

- Preferably with 15 years working experience in related field for E3 posts; 10 years working experience in related field for M1 & M2 posts and five (5) years for M3 posts. For post 8, please visit www.ambd.gov.bn for detail.

- Please visit www.ambd.gov.bn for the specific job requirements.

- Fluent in oral & written Malay and English and IT literate.

Interested applicants are requested to submit the following items to the address below:- 1) Application form (obtainable from the address below or downloadable from www.ambd.gov.bn); 2) a full resume; 3) a recent passport-sized photograph; 4) a copy of your IC; and 5) copies of relevant academic certificates.

AUTORITI MONETARI BRUNEI
DARUSSALAM (AMBD)

Level 14, Ministry of Finance Building Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam BB3910, (ATTN: HUMAN RESOURCE COMMITTEE)

Or by email to: human.resource@ambd.gov.bn

Applications should be received by AMBD not later than 11.30am on Friday, 16 March 2012.

ONLY SHORTLISTED CANDIDATES WILL BE NOTIFIED


PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

Polis Tingkat Bawah Ibu Pejabat Polis Gadong Waktu Pejabat atau berhubung terus dengan Inspektor Muhd. Kenny Safwan bin Abdullah Yawang di talian 2459500 Ext 355 dan 127.

4. Hanya pembeli yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat : -

**TAWARAN BAGI;
'SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION,
TESTING AND COMMISSIONING
OF HDPE LINER AT PANGKALAN
SIBABAU PHASE II, MENTIRI'**

Bilangan Tawaran : JPi/4/2012

Tarikh tutup : 20 Mac 2012

Jam tutup : 2.00 petang

-
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat : -

**TAWARAN BAGI;
'SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION,
TESTING AND COMMISSIONING
OF AUTOMATIC FEEDER AT PANGKALAN
SIBABAU PHASE II, MENTIRI'**

Bilangan Tawaran : JPi/5/2012

Tarikh tutup : 20 Mac 2012

Jam tutup : 2.00 petang

-
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat : -

**TAWARAN BAGI;
'SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION,
TESTING AND COMMISSIONING
OF HDPE LINER AT PANGKALAN
SIBABAU PHASE II, MENTIRI'**

Bilangan Tawaran : JPi/6/2012

Tarikh tutup : 20 Mac 2012

Jam tutup : 2.00 petang

Jam tutup : 2.00 petang

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat : -

**TAWARAN BAGI;
'SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION,
TESTING AND COMMISSIONING OF
AUTOMATIC FEEDER AT PANGKALAN
SIBABAU PHASE II, MENTIRI'**

Bilangan Tawaran : JPi/5/2012

Tarikh tutup : 20 Mac 2012

Jam tutup : 2.00 petang

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat : -

TAWARAN BAGI;

**'UPGRADING OF DEPARTMENT OF
FISHERIES SHRIMP POND FACILITIES
AT PANGKALAN SIBABAU PHASE II,
MENTIRI'**

Bilangan Tawaran : JPi/6/2012

Tarikh tutup : 20 Mac 2012

Jam tutup : 2.00 petang

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Perancangan Kemajuan Industri Perikanan, Tingkat 3, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Jalan Menteri Besar, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam di talian 2383067 sambungan 2331, atau melayari laman web Jabatan Perikanan; www.fisheries.gov.bn. dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat I, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja:-

Isnin - Kamis dan Sabtu :

8.00 pagi - 11.30 pagi

1.45 petang - 3.00 petang

5. Yuran sebanyak **B\$30.00** bagi Bilangan Tawaran : **JPi/1/2012**, satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

5. Yuran sebanyak **B\$50.00** bagi Bilangan Tawaran : **JPi/2/2012**, satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

5. Yuran sebanyak **B\$30.00** bagi Bilangan Tawaran : **JPi/3/2012**, satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

5. Yuran sebanyak **B\$50.00** bagi Bilangan Tawaran : **JPi/4/2012**, satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

5. Yuran sebanyak **B\$30.00** bagi Bilangan Tawaran : **JPi/5/2012**, satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.

8. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan/Pasport dan Daftar Pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.

9. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai **hari Khamis, 8 Mac 2012**.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

BILANGAN TAWARAN :

JBS/TDR/BPE/UP/35/2012

Tawaran-tawaran diterima oleh :

Pengerusi

Lembaga Tawaran Kecil,

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Tingkat I, (Ruang Masuk/Penyambut Tetamu)

Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BA1210

Negara Brunei Darussalam.

Tajuk:

**MEMBINA BANGSAL PERAHU LUMBA (PENYADAIAN PERAHU)
KOMPLEKS SUKAN AIR SERASA, DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

Cagaran : \$100.00 (Untuk setiap dokumen tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran : hari Selasa, 20 Mac 2012

Jam : tidak lewat jam 2.00 petang

DOKUMEN-DOKUMEN dan penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari **Tingkat 5 (Unit Pemeliharaan, Bahagian Prasarana dan Estet, Jabatan Belia dan Sukan)**. Manakala bayaran yuran tawaran bolehlah dijelaskan di Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas BA1210, Negara Brunei Darussalam dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 petang hingga 2.30 petang pada setiap hari bekerja sementara hari Sabtu dari jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi.

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

PERINTAH ACARA MAL

**MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH 2005
SAMAN GANTIAN**

**DALAM MAHKAMAH
RENDAH SYARIAH
DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA
DALAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Saman No. MRHS/MAL/BM 509

Tahun 1432H / 2011M

ANTARA

SIALAM BINTI HAJI LAZIM

- Plaintiff / Pemohon

DAN

MALEK SHAHRIN BIN

HAJI MOHD YUSOF

- Defendant / Responden

KEPADА :

MALEK SHAHRIN BIN

HAJI MOHD YUSOF

NO. KAD PINTAR :

00-057846 (KUNING)

Beralamat : No. 14, Simpang

124-122-60, Kampung Selayun

Sengkurong BG1721

Tawaran : **JPi/4/2012**, satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

5. Yuran sebanyak **B\$30.00** bagi Bilangan Tawaran : **JPi/5/2012**, satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

5. Yuran sebanyak **B\$50.00** bagi Bilangan Tawaran : **JPi/6/2012**, satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Penender mestilah mempunyai sijil pendaftaran Syarikat di Kementerian Pembangunan dan mempunyai **Kelas II, Kategori (1, 2, 6C) dan Sub-Kategori (KA01, B01)** bagi Bilangan Tawaran : **JPi/1/2012**

6. Penender mestilah mempunyai sijil pendaftaran Syarikat di Kementerian Pembangunan dan mempunyai **Kelas II, Kategori (6a, 6g) dan Sub-Kategori (E01, P05)** bagi Bilangan Tawaran : **JPi/2/2012**


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM KELAS :
II & III DI BAWAH
KATEGORI : KPB11 SAHAJA**

Tarikh akhir mengambil
dokumen tawaran pada :
19 Mac 2012, (Isnin)

Tarikh Tutup : **3 April 2012, (Selasa),
jam 2.00 petang.**

Bilangan Tawaran :
JKR/DTS/06/STE/2012-T/II
Tajuk Projek :

**KERJA-KERJA MEMBAIKI
STRUKTUR DI BANGUNAN HANGAR
SATU (1) LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA**

No. Projek :

Jumlah Yuran Tawaran dan Yuran
e-Dokumen :
\$30.00 (tidak dikembalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN DI DALAM
KELAS : V & VI SAHAJA .
KATEGORI : (1, 3, 4h, 5b, 5c SAHAJA)
- (KOD LAMA), (KAO1, KPB03,
KPB04, KPB08/09) - (KOD BARU)**

Tarikh mengambil dokumen tawaran :
7 Mac 2012

Tarikh akhir mengambil
dokumen tawaran pada :
**Tidak lewat dari jam 2.30 petang,
hari Selasa, 27 Mac 2012**

Tarikh Tutup : **tidak lewat dari jam :
2.00 petang, hari Selasa, 3 April 2012**

Bilangan Tawaran :
JKR/DOR/SRC 12/2012
Tajuk Projek :

**PEMBAIKAN PENGALIRAN SUNGAI
BELABAN, KAMPUNG TUNGKU -
FASA 2**

Jumlah Yuran Tawaran :
**\$1,000.00 (Seribu Sahaja dan
tidak dikembalikan)**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM KELAS
: II, IV & V DI BAWAH
KATEGORI : 3**

Tarikh akhir mengambil
dokumen tawaran pada :
hari Selasa, 20 Mac 2012

Tarikh Tutup : **Hari Selasa, 3 April 2012**

Bilangan Tawaran : **JKR/DBSKB008/2012**
Tajuk Projek :

**MENGENDALI DAN MEMELIHARA
LOJI KUMBAHAN**

No. Projek : **2012ADKB/B00410-05**

Yuran Tawaran :
\$100.00 (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA

**PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DI DALAM KELAS : III & IV
DI BAWAH KATEGORI :
1/KA01 & 2 / B01 SAHAJA**

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran pada : **hari Selasa, 20 Mac 2012**

Tarikh Tutup : **hari Selasa,
3 April 2012, jam 2.00 petang**

Bilangan Tawaran :
JKR/DBSBM 005 /2012
Nama Projek :

**PENYIAPAN BAKI KERJA BAGI
PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA
BIRO KAWALAN NARKOTIK -
(DITAWARKAN SEMULA)**

Nombor projek : **JKR/DBSBM005/2012**

Yuran Tawaran :
\$100.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau Dokumen Tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ('JKR/DBSTUT ...') bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.


KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**PEMBATALAN TAWARAN SEPERTI DI BAWAH INI YANG
TELAH DIKELUARKAN PADA 27 FEBRUARI 2012 PADA MUKA
SURAT 4 BAHAGIAN IKLAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG- PEMBORONG YANG BERDAFTAR
KELAS III KATEGORI KA01**

BIL : KHEU/BDP/LTK/008/2012

SEKOLAH UGAMA MADEWA@ PACKAGE 2 - CIVIL INFRASTRUCTURE WORKS

YURAN DOKUMEN :

\$50.00

(TIDAK DIKEMBALIKAN)

Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran :

10 Mac 2012 (2.30 petang)

Tarikh Tutup :

20 Mac 2012 (2.00 petang)


DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG
SURAT KUASA PUSAKA NO. T/ LA /NO. 04/ 2012

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH ALIMAH BINTI HAJI ALI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ADANAN BIN HAJI SABELI** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada **si mati**.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan **MAHKAMAH TUTONG** pada **17 Mac 2010 pada 9.00 pagi.**
Tarikh : **3 Mac 2012**

SURAT KUASA PUSAKA NO. T/ LA /NO. 28/ 2011

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORYATI BINTI YUSOL** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **JALANI BIN SIREH** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada **si mati**.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan **MAHKAMAH TUTONG** pada **17 Mac 2010 pada 9.00 pagi.**
Tarikh : **3 Mac 2012**

SURAT KUASA PUSAKA NO. T/ LA /NO. 04/ 2012

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **ABDUL LATIF BIN HAJI JEMUDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH MARIAM BINTI HAJI JAMUDDIN** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ABANG** kepada **si mati**.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan **MAHKAMAH TUTONG** pada **17 Mac 2012 pada 9.00 pagi.**
Tarikh : **3 Mac 2012**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS** Bandar Seri Begawan dan Tutong sebelum tarikh yang tersebut di atas.

MUHAMMED FAISAL BIN PDJLDDSP HAJI KEFLI
Timbalan Pegawai Waris Tutong
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**
JUALAN LELONG
HARTA BENDA KERAJAAN

ADALAH dengan ini bahawa jualan secara Sebut Harga bagi barang-barang kepunyaan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan diadakan di Kawasan Letak Kereta, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Blok 2A, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam pada **17 Mac 2012**. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan Borang Jualan Sebut Harga di alamat :

**Kaunter Penyambut Tetamu,
Jabatan Perancangan dan Kemajuan
Ekonomi, Blok 2A, Kondominium Ong Sum
Ping, Jalan Ong Sum Ping,
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup Tawaran

17 Mac 2012, jam 2.00 petang

Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di Tingkat Bawah, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, tidak lewat hari Sabtu, **17 Mac pukul 2.00 petang** dengan menggunakan sampul surat tertutup dengan terang tanpa menunjukkan nama pembeli.

Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai bolehlah datang untuk membuat penaksiran

dengan harga dan mengenal pasti barang-barang tersebut di tempat yang disebutkan di atas pada **14 hingga 15 Mac 2012 bermula jam 2.00 petang hingga 4.00 petang**. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa satu minggu dari tarikh pemberitahuan dieluarkan dan memindah barang-barang tersebut dalam tempoh tiga hari setelah bayaran dijelaskan sepenuhnya.

BARANG-BARANG YANG AKAN DILELONG :

1. Penghawa Dingin jenis window - 24 unit
2. Penghawa Dingin jenis split - 9 unit
3. Ceiling Fan - 16 unit
4. Air Curtin - 1 unit
5. Kerusi - 13 unit
6. Proven Tank with hose - 1 unit
7. 4 Drawer Filing Cabinet - 11 unit
8. Almari Besi 2 Pintu - 2 unit
9. Meja Besi - 26 unit
10. Meja Kayu - 2 unit
11. Mesin Projector - 2 unit
12. Mesin Shredder - 2 unit
13. Mesin penggiling Gestetner - 2 unit
14. Mesin Penggambar - 6 unit
15. Manual Typewriter - 14 unit
16. Calculator - 36 unit
17. Electronic Typewriter - 7 unit



Trofi Hassanal Bolkiah 2012



1



0

Pasukan Brunei layak ke separuh akhir



BERANGKAT menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berserta kerabat diraja yang lain.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Masri Osman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mac. - Pasukan Negara Brunei Darussalam mencipta sejarahnya mampu berjaya melayakkan diri untuk bermain ke peringkat separuh akhir dalam Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN 2012 bagi merebut Trofi Hassanal Bolkiah.

Kelayakan tersebut diperolehi selepas menumpaskan pasukan Timor Leste dengan jaringan tipis 1-0 di perlawanan terakhir dalam Kumpulan 'B' yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini, sekali gus mengiringi pasukan Viet Nam.

Perlawanan malam ini merupakan pasport untuk mara ke peringkat seterusnya dengan kedua-dua pasukan bermain lebih berhati-hati dengan perlawanan lebih rancak pada separuh masa pertama berbanding separuh masa kedua.

Berangkat menyaksikan perla-

wan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berserta kerabat diraja yang lain.

Sepuluh minit pertama pasukan tuan rumah telah membuktikan penguasaan permainan namun pada minit ke-13 cukup menegangkan apabila Diogo Santos Rangel berusaha melakukan jaringan untuk pasukan Timor Leste tetapi percubaannya lebih awal *off-side* selepas menjatuhkan pemain pertahanan, Md. Azri bin Zahari.

Percubaan Md. Nurikhwan Othman pada minit ke-18 cukup membuat pasukan pelawat cemas mujur dengan ujian sepanjang kurang bertenaga sehingga dapat didakap dengan kemas oleh Emerson Carlos Cesario.

Sekalipun tanpa kelibat penyerang berbisa Adi Said, Pasukan Negara Brunei Darussalam membuktikan kemampuannya dengan menjaringkan gol pertama yang dihasilkan oleh Md. Aminuddin Zakwan Tahir pada minit ke-29 setelah menerima hantaran lintang dari sebelah kanan oleh Ketua Pasukan, Md. Najib bin Haji Tarif.

Reduan bin Haji Petara cukup membuat keadaan tegang apabila tandukannya nyaris menerjah jaring setelah menerima hantaran Md. Aminuddin Zakwan bin Tahir yang berjaya menggempur pertahanan lawan bersama Md. Najib bin Haji Tarif tiga minit kemudian.

Nilo Fernandes yang sering menjadi tumpuan pertahanan pasukan Negara Brunei Darussalam berjaya melaksanakan serangan balas sehingga melepaskan kepungan pertahanan tuan rumah lalu melorongkan bola kepada Emilio Ribeiro De Silva untuk melakukan percubaan namun tersasar.

Perlawanan separuh masa kedua menyaksikan bola lebih banyak ber-

legar di kawasan tengah dengan sesekelel serangan yang sumbang daripada kedua-dua pasukan sekalipun menerima peluang terbaik untuk menterjemahkan gol.

Pengurus Pasukan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Feisal bin Haji Md. Eusoff ketika berucap pada Sidang Media selepas perlawanan melahirkan perasaan bangga kerana pertama kali pasukan negara layak ke peringkat separuh akhir dalam kejohanan ini.

Semasa di bilik persalinan bersama para pemain, beliau mengucapkan perasaan syukur di atas kemenangan tersebut dan mengucapkan tahniah kepada para pemain di atas kejayaan itu namun menekankan agar mereka akan lebih fokus kepada perlawanan seterusnya ketika menentang juara kumpulan 'A' Myanmar pada 7 Mac ini.

Selain itu, beliau juga mengucapkan penghargaan kepada penyokong-penyeokong kerana hadir ke stadium untuk memberi sokongan.

Menyentuh perlawanan, beliau menyedari bahawa semua pasukan yang ikut bertanding di HBT itu merupakan pasukan yang kuat-kuat dan mereka bekerja keras kerananya, mereka gembira dengan keputusan

tersebut.

Menyentuh corak perlawanan separuh masa pertama lebih baik daripada yang kedua, Ketua Jurulatih, Kwon Oh Son berkata saat itu lima pemain telah mengalami kecederaan sedangkan pemain lawan juga kuat.

Terdahulu dari itu, dalam permakluman perlawanan separuh akhir yang disampaikan oleh wakil dari Persekutuan Bola Sepak Brunei Darussalam, Awang Ali bin Haji Ismail menjelaskan bahawa perlawanan separuh akhir pertama antara pasukan Viet Nam menentang Republik Indonesia akan diadakan pada 7 Mac akan datang bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB) bermula pukul 4.00 petang.

Sementara separuh akhir kedua antara pasukan Myanmar menentang pasukan Negara Brunei Darussalam akan diadakan pada pukul 8.15 malam pada 7 Mac, bertempat di SNHB.

Tambahnya atas nasihat pihak Pasukan Polis Diraja Brunei menasihatkan orang ramai untuk tidak membawa benda-benda merbahaya seperti payung, laser, minuman tin, trumpet, bunga api dan semua benda yang boleh mendatangkan kecederaan.



PENGURUS Pasukan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Feisal bin Haji Md. Eusoff melahirkan perasaan bangga kerana pertama kali pasukan negara layak ke peringkat separuh akhir dalam kejohanan ini.



KETUA Jurulatih Timor Leste, Naorio Tsukitate semasa ditemu bual dalam Sidang Media.



SEMANGAT SUKAN ... Beginilah sokongan padu yang diberikan oleh para penyokong bola sepak tanah air yang membanjiri Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



PERGELUTAN mendapat bola antara pemain Negara Brunei Darussalam dan Timor Leste.



Trofi Hassanal Bolkiah 2012



3



1

Malaysia tundukkan Kemboja 3-1

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mac. - Malaysia akhirnya mengutip tiga mata penuh setelah menundukkan Kemboja dengan jaringan 3-1 dalam Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Trofi Hassanal Bolkiah 2012 sekali gus menduduki tangga keempat Kumpulan 'B'.

Tetapi sayang kemenangan itu tidak memberi apa-apa makna kerana kedua-dua pasukan telah pun

terkeluar bagi mengisi satu slot ke pusingan separuh akhir.

Perlawaan kedua-dua pasukan berlangsung di Kompleks Balapan dan Padang di sini, seawal minit pertama Malaysia dihadiahkan dengan sepakan penalti setelah pertahanan Kemboja menolak hingga jatuh penyerang Malaysia, Muhammad Akhir Bahari dalam kawasan 'D'.



PERTAHANAN dari Kemboja (jersi biru/merah) cuba menghalang sepakan dari penyerang Malaysia.



AKSI pemain Malaysia yang cuba mengawal bola yang dibawa oleh pemain Kemboja.

Peluang ini tidak disia-siakan oleh Ketua Pasukan Malaysia, Wan Ahmad Amirzfran Wan Nadris yang mudah menendang masuk bola ke kanan gawang Kemboja dengan cuba diselamatkan penjaga gawang, Sar Sophea.

Tetapi kegembiraan Malaysia hanya seketika kerana gol penyaaman Kemboja pada minit ke-7 oleh Chhun Sothearith yang membuat percubaan jauh yang gagal ditolak penjaga gawang, Izzat Abd. Rahim.

Kedudukan 1-1 kekal hingga pengadil dari Negara Brunei Darussalam, Hadimin Shahbudin meniup wisel berakhir separuh masa pertama tetapi sebelum wisel ditiup, Kemboja mempunyai satu peluang gol pada minit ke-34 tetapi tidak dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Selang tiga minit separuh masa kedua bermula, Malaysia lebih awal berpeluang menambah gol tetapi sayang palang gol jadi pemisah, peluang juga ada pada minit 67, 72 dan 78.

Dua gol Malaysia tercipta hanya pada minit ke-81 oleh tendangan cantik Mohd. Rizuan Abdunloh Pula yang mengelirukan Sar Sophea dan kemudian Mohd. Yazid Zaini merobek gawang Kemboja untuk gol ketiga sekali gus melemahkan semangat pemain Kemboja yang cuba merapatkan kedudukan dengan tambahan masa dua minit diberikan pengadil Hadimin Shahbudin, namun kedudukan 3-1 tetap kekal hingga wisel penamat.

Dengan perlawaan itu, Kemboja berada pada tangga paling bawah Kumpulan 'B' tanpa sebarang mata setelah kalah semua perlawaan.

Wakil PELITA BRUNEI sempat menemu bual Ketua Jurulatih Malaysia, Ismail Ibrahim yang berpuas hati dengan kemenangan anak didiknya walaupun tiada harapan beraksi dalam separuh akhir.

Katanya, walaupun perlawaan lebih dikuasai Kemboja pada separuh masa kedua tetapi dua *counter attack* yang dibuat berjaya menyumbatkan gol anak didiknya berbangga dan gembira kerana menang perlawaan terakhir Kumpulan 'B'.

Sementara itu, Penolong Jurulatih Kemboja, Ieng Sakinda menjelaskan, anak buahnya masih tetap memparmerkan perlawaan yang kurang bermaya kecuali ketika menentang Negara Brunei Darussalam.

Jelasnya, anak buahnya hanya dapat mengekang Malaysia pada separuh masa pertama, masuk separuh masa kedua pemain mula hilang tumpuan dan kawalan bola hingga memberi peluang Malaysia menambah dua gol serta berharap pada kejohanan dua tahun mendatang para pemainnya akan lebih bersedia dan lebih mampu bersaing pada perasaan serantau.



PENOLONG Jurulatih Kemboja, Ieng Sakinda.



KETUA Jurulatih Malaysia, Ismail Ibrahim.



PASUKAN Malaysia meraikan kemenangan mereka dengan 3-1.



**TROFI HASSANAL BOLKIAH (HBT)
PADA KEJOHANAN BOLA SEPAK
BELIA ASEAN 2012**

24 FEBRUARI - 9 MAC 2012

Kedudukan Kumpulan A dan B sehingga :

2 Mac 2012

Kumpulan A

Posisi	Negara	P	M	S	K	J	K	Per. Gol	Mata
1	MYANMAR	4	3	1	0	13	3	+10	10
2	INDONESIA	4	2	1	1	7	4	+3	7
3	LAOS	4	2	0	2	5	5	0	6
4	SINGAPURA	4	1	2	1	3	4	-1	5
5	FILIPINA	4	0	0	4	4	16	-12	0

Kumpulan B

Posisi	Negara	P	M	S	K	J	K	Per. Gol	Mata
1	VIET NAM	4	3	1	0	6	2	+4	10
2	BRUNEI D.	4	3	0	1	8	4	+4	9
3	TIMOR LESTE	4	2	0	2	3	3	+0	6
4	MALAYSIA	4	1	1	2	3	6	-3	4
5	KEMBOJA	4	0	0	4	4	9	-5	0

Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Trofi Hassanal Bolkiah 2012 Separuh Akhir :
Separuh Akhir No. 1 -
Rabu, 7 Mac, Viet Nam vs Indonesia, 4.00 petang.
Separuh Akhir No. 2 -

Rabu, 7 Mac, Myanmar vs Brunei Darussalam, 8.15 malam.
Perlawaan akan diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

BND5.9 billion diperuntukkan bagi perbelanjaan 2012/2013

Dari muka 1

Yang Berhormat juga menghuraikan mengenai perkembangan semasa ekonomi negara dan juga global, cabaran-cabaran masa depan dan impaknya terhadap sosioekonomi negara ini.

"Insya-Allah, kaola juga akan mengongsikan faktor-faktor utama yang diambil kira dalam penyediaan belanjawan negara ini, termasuk mengenai keutamaan perbelanjaan dan tema belanjawan yang digunakan bagi menilai keperluan perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2012/2013 yang akan datang," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menjelaskan ekonomi negara telah mencatatkan perkembangan yang kukuh pada tahun 2011. Ekonomi negara bagi tempoh Januari 2011-September 2011 berkembang 2.5% setahun ke setahun (*year-on-year*). Dalam tempoh yang sama, jumlah nilai eksport juga dicatat meningkat 27.3% setahun ke setahun. Inflasi pula dicatatkan pada kadar sederhana 2.0% bagi tahun 2011. Dengan ini, pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2012, insya-Allah, diunjurkan pada kadar 2.6%.

"Kenaikan harga minyak dan gas dunia pada tahun 2011, alhamdulillah telah memberikan kesan positif kepada pendapatan kerajaan. Walau bagaimanapun, seperti mana lazimnya, peningkatan harga ini juga akan turut diikuti oleh kenaikan kos pengeluaran bagi bahan-bahan tersebut. Di samping itu, negara juga akan terus berdepan dengan cabaran tahap pengeluaran yang rendah, disebabkan oleh *mature fields* dan tekanan kemerosotan nilai matawang *dolar* Amerika Syarikat, berbanding dengan matawang *dolar* Brunei," ujar Yang Berhormat.

Dengan pembentangan prospek ekonomi global dan domestik di atas, serta mengambil kira kutipan hasil sebenar pada Tahun Kewangan

berbanding unjuran awal 4.0% pada bulan September 2011. Perdagangan global juga diunjurkan akan menurun kepada 3.8% berbanding unjuran awal sebanyak 5.8%.

Ini berikutkan masalah ekonomi dalam Amerika Syarikat; krisis hutang di Zon Euro yang dikhuatir akan merebak (*contagion effect*) kepada ekonomi-ekonomi lain; dan tekanan inflasi global yang diramal meningkat kepada 6.2% bagi ekonomi membangu dan baru muncul (*developing and emerging economies*) berbanding unjuran awal sebanyak 5.9%.

Meskipun prospek ekonomi luar agak mencabar, kata Yang Berhormat, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menjangkakan, ekonomi domestik akan lebih kukuh dengan peningkatan penggunaan (*consumption*) dan pelaburan kerajaan dan swasta. Oleh itu, kadar pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2012, insya-Allah, diunjurkan pada kadar 2.6%.

"Kenaikan harga minyak dan gas dunia pada tahun 2011, alhamdulillah telah memberikan kesan positif kepada pendapatan kerajaan. Walau bagaimanapun, seperti mana lazimnya, peningkatan harga ini juga akan turut diikuti oleh kenaikan kos pengeluaran bagi bahan-bahan tersebut. Di samping itu, negara juga akan terus berdepan dengan cabaran tahap pengeluaran yang rendah, disebabkan oleh *mature fields* dan tekanan kemerosotan nilai matawang *dolar* Amerika Syarikat, berbanding dengan matawang *dolar* Brunei," ujar Yang Berhormat.

Dengan pembentangan prospek ekonomi global dan domestik di atas, serta mengambil kira kutipan hasil sebenar pada Tahun Kewangan

2011/2012; dan juga senario unjuran pendapatan kerajaan bagi sektor minyak dan gas, Kementerian Keuangan tegasnya mengunjurkan Anggaran Hasil Tahun Kewangan 2012/2013, insya-Allah, akan berjumlah BND6,287,940,000.00. Ini termasuk anggaran hasil daripada Sektor Minyak dan Gas sebanyak BND5,521.0 juta (kira-kira 87.8%); dan BND766.94 juta (hanya 12.2%) daripada Sektor Bukan Minyak dan Gas. Jumlah ini adalah merupakan peningkatan sebanyak BND389 juta berbanding anggaran Tahun Kewangan 2011/2012.

"Kita bersyukur bahawa dengan rahmat serta inayah Allah Subhanahu Wata'ala jua dan dengan berkat kepimpinan bijaksana, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara ini terus dapat menikmati keamanan, kestabilan dan kemakmuran, yang mana rakyat dan penduduknya menikmati taraf kehidupan yang tinggi," tegas Yang Berhormat lagi.

Kerajaan juga terus mampu melaksanakan projek-projek pembangunan, dan menghulurkan kemudahan serta perkhidmatan, bagi memenuhi keperluan asas rakyat dan penduduk di negara ini. Walau bagaimanapun, kita perlu sentiasa berwaspada dan siap sedia menghadapi cabaran yang boleh sahaja berlaku. Risiko-risiko seperti penurunan pertumbuhan ekonomi global, bahaya wabak penyakit atau kejadian bencana alam, boleh saja menggugat kestabilan ekonomi dan kesejahteraan kehidupan di negara ini.

Ke arah itulah, usaha-usaha mengukuhkan kewangan negara, agar kekal stabil dan berdaya tahan, akan terus diberikan keutamaan. Melalui dasar berhemat, dalam belanjawan negara khususnya dan dalam pengurusan kewangan negara umumnya, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia setakat ini, telah berupaya membayai perbelanjaan-perbelanjaan di luar jangkaan.

Perbelanjaan kerajaan telah meningkat dari setahun ke setahun. Oleh itu, adalah wajar bagi usaha-usaha berterusan dilaksanakan untuk mengawal tahap perbelanjaan ini dari berterusan meningkat, mengambil kira pendapatan kerajaan yang masih terus banyak bergantung kepada sumber daripada sektor minyak dan gas.


Hasil pendapatan daripada sektor ini amatlah sukar untuk dijangkakan. Ianya banyak bergantung kepada faktor-faktor luaran yang di luar kawalan kerajaan. Antara faktor-faktor tersebut termasuklah tahap pengeluaran minyak dan gas negara, harga dan permintaan minyak global, kos carigali dan pengeluaran minyak dan gas, serta kadar pertukaran nilai matawang *dolar* Amerika Syarikat.

Bagi mengurangkan kebergantungan tersebut, usaha-usaha bagi mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara perlu diteruskan, dipergiatkan dan diperkesan. Usaha-usaha ini perlu dilipatgandakan bagi mengembangkan majukan sektor bukan minyak dan gas, dengan hasrat, hasil pendapatan alternatif ini akan dapat secara progresif mengimbangi hasil pendapatan daripada sektor minyak dan gas. Pada masa yang sama, kerajaan juga perlu terus mengawal tahap perbelanjaannya

bagi mencapai *fiscal sustainability*, kekuahan serta kesinambungan sumber kewangan negara bagi jangka panjang.

Dengan arus globalisasi yang begitu deras, saingan perniagaan dan perdagangan global juga semakin hebat. Persaingan ini memerlukan keupayaan sumber tenaga manusia yang berdaya saing dan berdaya maju. Negara-negara yang mempunyai sumber tenaga manusia yang berdaya saing dan berdaya maju akan dapat menangani pelbagai isu-isu sosioekonomi termasuk pengangguran, kemiskinan dan sebagainya. Sumber tenaga manusia juga merupakan aspek penting dalam usaha memperkembang dan meluaskan sumber ekonomi, terutama negara yang mempunyai pasaran domestik yang terhad, seperti negara ini.

Ke arah itu, perancangan dan usaha-usaha bersesuaian akan terus dipergiatkan dalam meningkatkan keupayaan sumber tenaga manusia di negara ini. Ianya juga diharap akan dapat menggerak dan mendukung usaha-usaha untuk melibatkan setiap lapisan masyarakat, terutama daripada kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, agar lebih berupaya dan turut serta menyumbang ke arah proses *nation building*.



MENTERI Kewangan Kedua di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Datu Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Anggapan tiada perubahan kadar, tangga gaji kurang tepat

Dari muka 1

Pemberian eluan ini pada dasarnya telah meningkatkan pendapatan pegawai dan kakitangan tersebut antara 3.5 peratus hingga 45 peratus mengikut kadar gaji bulanan masing-masing. Bagi menampung pemberian eluan ini setiap tahun kerajaan perlu menyediakan sebanyak kira-kira BND117 juta setahun.

Menurut Yang Berhormat lagi, pada tahun 1998 kerajaan juga memperkenalkan Eluan Sarawak bagi anggota Perkhidmatan Awam kepada Bahagian I dan ke bawah. Eluan ini adalah pada kadar antara BND80 dan BND170 sebulan tertakluk kepada bahagian masing-masing. Untuk menampung perbelanjaan ini kerajaan perlu menyediakan sebanyak BND113 juta setahun yang memberikan kenaikan pendapatan kira-kira empat peratus hingga 31 peratus bagi kakitangan yang terlibat.

Langkah kerajaan seterusnya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenalkan EB Khas pada tahun 1999, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang mana langkah ini telah memberikan kenaikan gaji pada kadar kira-kira dua peratus. Ini membolehkan pegawai dan kakitangan yang mata gaji mereka telah berakhir menerima semula kenaikan gaji tahunan setelah tiga tahun menerima gaji pokok dalam mata gaji terakhir.

Manakala pada 15 Julai 2006 seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Kerajaan telah melaksanakan pemberian kenaikan

mata gaji khas ataupun *accelerated increment* berkuat kuasa mulai tarikh berkenaan yang melibatkan semua pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam termasuk Pekerja Bergaji Hari, anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hingga 15 Julai 2006.

Menurut Yang Berhormat lagi, kenaikan mata gaji khas ini telah membawa kenaikan gaji pokok antara 6.6% hingga 26.7% tertakluk kepada gaji semasa pegawai dan kakitangan tersebut. Kenaikan ini telah melonjakkan peruntukan gaji kakitangan kepada BND1,605 juta pada Tahun Kewangan 2006/2007 dari BND1,495 juta bagi Tahun Kewangan 2005/2006. Ini bermakna kerajaan perlu menyediakan peruntukan tambahan kira-kira BND110 juta semenjak Tahun Kewangan 2005/2006 tersebut.

Di samping pemberian-pemberian yang telah disebutkan di atas, kerajaan juga telah menghulurkan pelbagai kemudahan. Kemudahan-kemudahan ini antara lainnya termasuklah kemudahan Eluan Pelajaran bagi kakitangan yang berjawatan tetap dan kontrak dalam sektor kerajaan bagi membayai pendidikan di sekolah swasta sama ada di dalam atau luar negara untuk anak-anak berumur 5 hingga 18 tahun dan seterusnya melanjutkan pelajaran Peringkat Ijazah. Untuk kemudahan ini kerajaan telah memperuntukkan Eluan Pelajaran sebanyak BND26 juta setahun.

Ini diikuti dengan pengurniaan Eluan Cuti Tambang kepada pegawai-pegawai kerajaan. Untuk itu kerajaan telah membelanjakan kira-kira BND50.4 juta setiap tahun. Mulai tahun 2012 pegawai dan kakitangan

kerajaan yang telah berkhidmat selama 12 tahun di Perkhidmatan Awam dikurniakan tambang untuk menunai Fardhu Haji. Ini adalah penurunan dari syarat perkhidmatan selama 15 tahun yang dikenakan sebelumnya.

Di samping faedah-faedah tersebut pihak kerajaan juga telah menyediakan kemudahan pinjaman rumah dan kenderaan tanpa faedah. Pada Tahun Kewangan 2010/2011 misalnya kerajaan mengeluarkan sebanyak BND49.4 juta bagi perbelanjaan pinjaman rumah dan sebanyak BND47.2 juta bagi membiayai pinjaman pembelian kenderaan. Bayangkanlah tanpa kemudahan ini jika pegawai meminjam ke institusi kewangan bagi pinjaman perumahan sebanyak BND100,000 sahaja ianya akan perlu membayar kos pinjaman kira-kira BND580 sebulan bagi maksud ini.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat lagi kerajaan juga menyewa rumah-rumah persendirian untuk kediaman pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam mengikut kelayakan masing-masing. Ini adalah bagi menampung perumahan kerajaan yang berkurangan.

Dalam hal ini juga tegas Yang Berhormat, kerajaan akan membayar sewa kepada tuan punya rumah-rumah persendirian sebagai contoh bagi Kategori Divisyen III sejumlah BND1,900 sebulan sedangkan pegawai itu hanya membayar BND110 sebulan. Manakala Divisyen II kerajaan perlu menyewa BND2,500 sebulan sedangkan yang hanya perlu dibayar oleh pegawai itu adalah sejumlah BND130 sebulan sahaja. Untuk kemudahan ini kerajaan membelanjakan sebanyak BND147 juta pada tahun lepas berbanding bayaran yang diterima dari pegawai dan kakitangan kerajaan yang terlibat

yang hanya sebanyak BND8 juta sahaja.

"Jadi nampaknya kerajaan *subsidized* pegawai-pegawai tersebut sebanyak BND139 juta setahun. Ini belum lagi kemudahan-kemudahan yang menyeluruh yang telah dihulurkan oleh kerajaan seperti penyediaan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan percuma, kadar bayaran bekalan elektrik dan air yang masih rendah berbanding dengan negara-negara lain di samping subsidi-subsidi yang dihulurkan termasuk harga minyak, pembinaan rumah skim perumahan dan lain-lain," ujar Yang Berhormat lagi.

Semua maklumat-maklumat ini kongsikan ini tegas Yang Berhormat bukanlah untuk mengungkit-ungkit apa jua kemudahan dan keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan kepada warga perkhidmatannya kerana sumbangan mereka ini adalah sangat berharga dan istimewa sebagai jentera penggerak untuk mencapai wawasan dan hasrat negara. Cuma ianya untuk membentulkan fakta supaya kita tidak terkeliru, di samping sebagai iktibar dan renungan kita bersama supaya kita akan lebih menghargai dan mensyukuri lagi rahmat dan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang dilimpahkan kanya sebagai seorang warga Perkhidmatan Awam di negara ini bukan saja berbanding dengan negara-negara lain, bahkan juga pihak swasta di negara ini yang mana *entry point* gaji yang ditawarkan secara amnya adalah lebih rendah daripada pihak kerajaan.

Di samping itu, kata Yang Berhormat lagi, ianya juga sebagai usaha ingat-ingati kita supaya kita jangan sampai mudah lupa akan apa yang telah dihulurkan oleh kerajaan sebagai majikan dan yang kita terima

sebagai pekerja selama ini. Kerana seperkara yang kita selalu terlepas pandang ataupun *overlooked* bahawa berbanding dengan negara-negara lain, gaji yang kita terima di negara ini adalah apa yang dinamakan *take home pay* yang 100% tidak dikenakan cukai pendapatan.

Kerajaan memang sentiasa peka terhadap keperluan yang melibatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Walau bagaimanapun, dalam apa jua keadaan kerajaan perlu mengambil pendekatan holistik atau pun makro dalam membangunkan perkara-perkara seperti ini.

Sebagai contoh, ini bermakna jika kerajaan mengambil keputusan untuk menaikkan gaji kakitangan Perkhidmatan Awam di antara 10% ke 15%, kerajaan perlu menyediakan peruntukan tambahan di antara BND200 juta ke BND280 juta setahun bagi menampung perbelanjaan ini.

دربیتکن اوله جباتن فناغن، جباتن قردان منtri دان چیتیق اوله جباتن فناغن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.